

TITAH AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN
KAPADA "PELITA BRUNEI"

SAYA sangat sukachita mengetahui yang Pejabat Penerangan kita telah mengeluarkan berita Kerajaan 'PELITA BRUNEI' yang akan dapat dibaca oleh penduduk2 Negeri, terutama oleh penduduk2 yang jauh dari pekan2, yang diam di darat2 dan di ulu2. Saya perchaya berita yang dapat mencheritakan perjalanan dan usaha2 Kerajaan dari satu masa kasatu masa akan memberi peluang kepada penduduk2 semua mengikuti atas keadaan kemajuan Negeri, dan perkhidmatan2 yang dijalankan bagi kebajikan mereka.

Saya sangat sukachita dapat peluang menyampaikan amanah kepada sekalian penduduk2 negeri yang dikasehi menerusi keluaran 'PELITA BRUNEI' ini. Ini adalah lagi satu daripada usaha2 perkhidmatan Kerajaan dalam perkara memberi penerangan kepada ramai, dan saya berharap mudah2an maju dan jaya 'PELITA BRUNEI' dalam usaha2nya.

Kita haruslah mengetahui bahawa Kerajaan sentiasa berusaha kuat untuk berkhidmat kepada ramai dalam berbagai2 ranchangannya menuju kebaikan dan kemajuan Negeri. Pertimbangan2 dan pentadbiran2 yang sebaik2nya sangat mustahak untuk mengusahakan ranchangan2 perkhidmatan itu. Banyak kesukaran2 dan halangan2 yang dihadapi oleh Pegawai2 yang diberi tugas melaksanakannya, yang tidak chukop difaham atau diketahui oleh separoh daripada orang2 kebanyakan, yang terpaksa mengambil masa dan tenaga yang laheb.

Dalam keadaan yang demikian sudah tentu kadang2 ra'ayat terduga dengan perasaan yang kurang puas hati. Suasana yang sarupa ini bukan sahaja akan didapati dalam Negeri kita Brunei ini, yang maseh muda lagi dalam usaha perkembangannya, tetapi juga dialami oleh semua negeri2 yang besar di dunia luar yang luas ini. Kerajaan tidaklah akan berjaya dengan usaha2nya sendiri sahaja untuk kemajuan Negeri. Kerjasama yang sapenohnya dari ra'ayat serta timbangrasa dan sama faham akan segala kesukaran2 dan kepayahan2 yang dihadapi oleh Kerajaan adalah sangat2 dikehendaki supaya menjayakan ranchangan2 kemajuan dan perkembangan Negeri kita.

Kita tentu sama mengatahui bahawa banyak ranchangan2 perkhidmatan ini sedang dijalankan, saperti: Ranchangan Pelajaran, yang berusaha memberi pelajaran2 dan didekan2 sekolah kepada anak2 Negeri dengan membangunkan beberapa banyak sekolah diseluruh Negeri; Ranchangan Pension Umur Tua, yang berusaha memberi pertolongan kepada penduduk2 Negeri yang tua yang tidak larat lagi menchari nafkahnya; Ranchangan Kesehatan, yang berusaha memelihara dan memperbaiki kasehatan ra'ayat dalam Negeri dengan mengadakan rumah2 sakit, clinic2, tabib2 dan lain2 pegawai yang mustahak; Ranchangan Bantuan Menanam Getah semula dan Getah Baharu, dengan tujuan menguatkan perdirian iktisad anak negeri diantara pekebun2 getah kechil dalam Negeri ini, dan lain2 lagi.

Ini adalah sebahagian kechil daripada ranchangan2 yang sedang dan akan diusahakan oleh Kerajaan. Tetapi jika tidak dengan bantuan, faham dan kerjasama dari penduduk2 sekalian kesemuanya harus tidak akan berjaya dengan chukop sempornanya.

Oleh itu saya berharap benar supaya semua ra'ayat saya yang dikasehi dalam Negeri Brunei Darul Salam ini bersama2 berusaha dengan bersungguh2nya menuju perkembangan Negeri kita yang kemajuannya kita semua chita2kan itu, serta untuk meninggikan bersama taraf penduduk2 supaya dapatlah kita sekaliannya dudok dalam aman dan sentosa.

Saya ucapkan selamat diatas kadzahiran 'PELITA BRUNEI' dan harap ia berkekalan maju, serta menjadi suatu kaguna'an besar kepada, dan diperhargakan oleh, sekalian para pembachanya.

قليتا بروني
PELITA BRUNEI



MENERAJUI PENYEBARAN MAKLUMAT



Sejarah Perkembangan Pelita Brunei



Pengenalan

PELITA BRUNEI diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei pada Rabu, 15 Februari 1956 dalam bentuk siklostil (cyclostyle) setebal 19 halaman termasuk halaman depan yang mengandungi senarai kandungan.

1956



Edisi pertama

Akhbar ini dicetak sebanyak 300 naskhah dan diedarkan secara percuma. Kandungannya antara lain meliputi Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei Kapada "Pelita Brunei"; Uchap Selamat British Residen Brunei Kapada "Pelita Brunei"; berita mengenai beberapa orang penuntut Brunei yang belajar di England dan Australia; penubuhan Pusat Latehan Guru-Guru Melayu Negeri Brunei; dan keputusan Peperiksaan 'Sarawak Junior Certificate'.

TUJUAN PENERBITAN

Penerbitan akhbar ini pada mulanya bertujuan bagi memberi maklumat kepada orang ramai mengenai rancangan dan matlamat pembangunan negara dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada mereka seperti rancangan pelajaran melalui pembinaan sekolah-sekolah di seluruh negara; rancangan pencen umur dan orang tua yang tidak larat mencari nafkah; rancangan kesihatan dan rancangan bantuan penanaman semula getah.

Akhbar ini kemudian dipertanggungjawabkan untuk memberi kefahaman yang betul mengenai rancangan kerajaan bagi mengelakkan prasangka dan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan.

NAMA PELITA BRUNEI

Nama PELITA diambil dari perkataan pelita (lampu) yang berfungsi untuk menerangi kegelapan di sekeliling. Sebelum kewujudan Pelita Brunei, kebanyakan tempat di pedalaman dan kawasan yang sukar dihubungi masih belum tahu mengenai kerajaan, pemerintahan dan dasar-dasar kerajaan dan betapa perlunya kerajaan dibantu oleh orang ramai. Tegasnya, akhbar ini lebih banyak berfungsi untuk memberi pengertian, penjelasan tentang apa kerajaan itu dan peranan rakyat terhadap kerajaan dan kerajaan terhadap rakyat. Manakala perkataan BRUNEI itu pula bermaksud rakyat atau orang ramai yang merupakan kumpulan sasaran akhbar ini.

Nama Pelita Brunei ini lahir dari pemikiran kolektif mereka yang terlibat dalam pembentukannya.



1957

Akhbar ini telah memuatkan empat keping gambar menggunakan kaedah block.

1959

Akhbar ini dicetak seminggu sekali setebal lapan halaman dalam ukuran 9 inci x 14 inci (lebih kecil dari bentuk tabloid) dengan menggunakan mesin cetak jenis Linotype di Brunei Press Limited, Kuala Belait sehingga tahun 1964.


1965

Akhbar ini dicetak di The Star Press Company, Bandar Brunei.

1976

Percetakan akhbar ini diambil alih oleh Jabatan Percetakan Kerajaan menggunakan mesin pencetak 'Offset'. Mutu percetakan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa. Pada tahun 1983, percetakan akhbar ini mulai menggunakan mesin 'Web Offset'.

Sejak penerbitan edisi pertama, akhbar ini menggunakan sepenuhnya bahasa Melayu.



1961

Satu muka surat daripada akhbar ini diterbitkan dalam bahasa Cina yang dikenali sebagai 'Pai li ta pao' atau 'Bai li da bao' bagi keperluan masyarakat Cina di negara ini. Versi bahasa Cina diberhentikan pada awal 80-an.

1990

Kandungan akhbar ini dibahagikan kepada dua edisi iaitu edisi Induk dan edisi Aneka. Edisi Induk memuatkan berita-berita semasa. Manakala edisi Aneka pula memuatkan rencana umum, Khutbah Jumaat, Irsyad Hukum, Ruangan Cerpen, Puisi, Sastera dan Budaya, Rancangan Radio dan Televisyen, Jawatan Kosong dan Tawaran (tender). Mulai tahun 2005, beberapa rancangan baharu diadakan seperti Fokus, Lensa Pelita, Ristaan, Teropong Pelita, ASEAN, Remaja, Bicara IT, Sudut Perkhidmatan Awam, Menjana Kesihatan dan pelbagai lagi.

1994

Pelita Brunei memasuki era perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan memulakan Pelita Brunei Online setiap minggu (selepas keluaran setiap Rabu) yang boleh dilayari melalui <http://brunet.bn/news/pelital/pelita1.htm>.



Pelita Brunei 60 tahun

2016

e-Paper Pelita Brunei Pelita Brunei beroperasi pada melalui www.pelita.brunei.gov.bn/epelita. Dikemaskinikan setiap tiga kali seminggu, iaitu Isnin, Rabu dan Sabtu. Terdapat 24 halaman muka surat dimuatkan ke dalam e-Paper tersebut yang boleh dilayari melalui internet sama ada menggunakan komputer, tablet atau telefon pintar dan sebagainya.

Brunei merupakan surat khabar dalam versi digital dan mula 18 Jun 2016. Ia boleh dilayari melalui www.pelita.brunei.gov.bn/epelita. Dikemaskinikan setiap tiga kali seminggu, iaitu Isnin, Rabu dan Sabtu. Terdapat 24 halaman muka surat dimuatkan ke dalam e-Paper tersebut yang boleh dilayari melalui internet sama ada menggunakan komputer, tablet atau telefon pintar dan sebagainya.

Media sosial kini menjadi salah satu platform penting bagi mewujudkan ruang untuk berinteraksi, berkongsi dan alat penyebaran maklumat dalam komuniti maya. Selaras dengan peredaran semasa, Pelita Brunei mengorak langkah dengan memiliki media soisalnya sendiri dan orang ramai boleh mendapatkan maklumat yang diterbitkan dalam Pelita Brunei dengan layari dan ikuti akaun :

Pelita Brunei

2020

Berita Global diperkenalkan pada 1 April 2020 apabila Pelita Brunei melanggan berita antarabangsa daripada Agensi Berita Nasional Malaysia (BERNAMA). Usaha ini adalah untuk mempelbagaikan sumber berita untuk para pembaca akhbar Pelita Brunei.

Pelita Brunei buat pertama kali menerbitkan iklan berbayar pada 27 November 2020. Pengiklanan secara berbayar dibukakan bagi syarikat-syarikat swasta dan persendirian ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan untuk mendukung dasar kerajaan mempelbagaikan sumber ekonomi negara dalam usaha untuk memantapkan tadbir urus fiskal.

2021

Pelita Brunei buat pertama kali menerbitkan iklan berbayar pada 27 November 2020. Pengiklanan secara berbayar dibukakan bagi syarikat-syarikat swasta dan persendirian ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan untuk mendukung dasar kerajaan mempelbagaikan sumber ekonomi negara dalam usaha untuk memantapkan tadbir urus fiskal.

2024

Sistem Editorial GN3 dinaikan taraf kepada Sistem Editorial GN4 secara berperingkat. Dalam usaha untuk menambah baik lagi proses penerbitan akhbar Pelita Brunei, Peralihan kepada Sistem Editorial GN4 ini juga dilengkapi dengan penyediaan laman sesawang Pelita Brunei yang baharu yang dijangka akan meningkatkan lagi *accessibility* dan pembaca orang ramai kepada akhbar Pelita Brunei secara dalam talian dengan reka letak dan penulisan yang lebih kreatif dan pada masa ini telah menunjukkan peningkatan yang amat menggalakkan.

2025

Pada 16 Februari 2025, menerbitkan berita bersumberkan daripada Xinhua News Agency berikutan kerjasama dimeterai di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Xinhua News Agency pada 6 Februari 2025.



Imbas QR kod untuk membaca E-paper Pelita Brunei



"WAHA! orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Baqarah, ayat 183.

RAMADAN PELUANG DEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA

Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - 70 tahun yang lalu, tepat pada 1 Januari 1956, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) ditubuhkan sebagai badan pembuat dasar untuk menentukan hala tuju pentadbiran Ugama Islam di negara ini. Tafsiran dalam Perlembagaan Negara

menyebutkan bahawa Majlis Ugama Islam bermaksud Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan menurut Bahagian II Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggagal 77).

Perkara tersebut antara yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin

Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman selaku Yang Dipertua MUIB semasa berucap pada Majlis Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-219 sempena Penuhunan MUIB Ke-70 Tahun yang diadakan secara fizikal pada petang tadi bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Kiarong.

>> Muka 3



Berita Utama



BENGKEL Tarannum Al-Quran perkasa kualiti bacaan qari, qariah negara

Muka 8

Bendera Besar NBD berkibar, tanda bermulanya Sambutan HK NBD Ke-42

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman


BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menandakan bermulanya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-42, Tahun 2026, diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanil Bolkihah (YSHHB), di ibu negara, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada upacara berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026.

>> Muka 4



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026 hadir selaku tetamu kehormat pada upacara berkenaan. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



FENOMENA air kemerah-merahan kini memasuki kawasan pesisiran pantai

Muka 10

Mengukuhkan dialog serantau, kerjasama parlimen menghadapi cabaran teknologi semasa

Siaran Akhbar :
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

MANILA, Sabtu, 14 Februari. - Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee; dan Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B', Daerah Brunei dan Muara, baru-baru ini telah menyertai program latihan 'Legislative and Policy Measures to Prevent and Counter the Use of Artificial Intelligence and New Technologies for Terrorism and Violent Extremism' yang berlangsung dari 11 hingga 13 Februari 2026 di Manila, Republik Filipina.

>> Muka 7

Tingkatkan profesionalisme, aspek keselamatan pusat penjagaan kanak-kanak

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

JERUDONG, Sabtu, 14 Februari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) malam tadi mengadakan Majlis Penghargaan Pusat Penjagaan Kanak-kanak dan Anugerah Pusat Penjagaan Kanak-kanak Cemerlang sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi, yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat ketika berucap menekankan bahawa penganjuran majlis julung kali ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memperkukuh ekosistem penjagaan kanak-kanak di negara ini.

Yang Berhormat menyatakan bahawa pusat penjagaan kanak-kanak memainkan peranan penting sebagai institusi asas dalam membentuk perkembangan holistik kanak-kanak.

>> Muka 3



JUADAH kegemaran keluarga jadi perniagaan

Muka 30



PELITA Brunei hari ini menerbitkan **RENCANA KHAS** sempena Sambutan Jubli Platinum Pelita Brunei



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha semasa berucap pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara DP World Logistics Malaysia Sdn. Bhd. dan Warisan Shipping Line Sdn. Bhd. bertempat di Design & Technology Building, Kampung Anggerek Desa pada 28 Januari 2026.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris :
Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen.
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafii
Ambiaie Walmursaleen, Saidina
Muhammadin Wa'ala Aalihiee
Wasahbihee Ajama'een
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Petang.**

Terajui pertumbuhan ekonomi, keupayaan maritim melalui kerjasama strategik

SAYA amat berbesar hati dapat berada di sini pada petang ini dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Warisan Shipping Line Sendirian Berhad atas jemputan yang diberikan untuk menghadiri acara penting ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam mencapai detik bermakna ini pada hari ini.

Perhimpunan hari ini bukan sekadar menandakan pemeteraian satu Memorandum Persefahaman (MoU). Ia melambangkan satu detik penting di mana hasrat dan komitmen diterjemahkan kepada tindakan yang nyata, serta kerjasama dimanfaatkan secara terancang bagi memacu kemajuan bersama.

Pemeteraian MoU antara Warisan Shipping Line dan DP World Logistics Malaysia mencerminkan keyakinan bersama terhadap kepentingan kerjasama serta komitmen bersama untuk membina masa depan maritim yang lebih kukuh dan saling berhubung bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rantau ini secara keseluruhannya. Ia merupakan satu langkah ke hadapan yang signifikan, berteraskan kepercayaan, kejelasan matlamat dan visi pembangunan jangka panjang.

Kedudukan strategik NBD menjadikan negara ini laluan penting perkapalan serantau dan antarabangsa. Dalam era rangkaian bekalan global yang semakin dinamik dan kompleks, rangkaian maritim dan logistik yang cekap serta saling berhubung amat penting. Justeru, kerjasama hari ini mencerminkan pemahaman yang jelas terhadap realiti ini serta komitmen untuk bertindak dengan berpandangan jauh, penuh

tanggungjawab, dan melalui penyelesaian yang praktikal.

Saya difahamkan bahawa MoU yang dimeterai pada hari ini mewujudkan satu kerangka kerjasama yang tersusun dan berfokus antara kedua-dua pihak. Ia menghimpunkan sebuah pengendali maritim tempatan yang sedang berkembang dengan sebuah pengendali logistik dan pelabuhan bertaraf global, sekali gus menggabungkan kefahaman tempatan dengan kepakaran antarabangsa.

Keseimbangan ini amat penting bagi memastikan pembangunan sektor maritim dan logistik negara dapat dilaksanakan secara mampan, kekal berdaya saing, serta sejajar dengan keutamaan nasional NBD.

Kerjasama ini, antara lain, memberi tumpuan kepada pembangunan, pengurusan dan pengoperasian perkhidmatan pengangkutan kargo kontena yang berkhidmat untuk NBD dan Selatan Republik Filipina, di samping usaha untuk meningkatkan jumlah kontena serta memperluas laluan perkapalan merentasi rantau BIMP-EAGA.

Selain itu, operasi Warisan Shipping Line akan diperluas melepasi dua koridor sedia ada, iaitu Republik Singapura - Sabah - Brunei dan Sarawak - Brunei - Sabah.

Yang penting, kerjasama ini juga membolehkan inisiatif masa depan dan kemudahan sokongan berkembang secara dinamik, memastikan usaha bersama bersifat fleksibel, berpandukan pasaran dan responsif terhadap keperluan baharu.

Kerjasama ini turut menyokong objektif lebih luas inisiatif BIMP-EAGA, yang bertujuan mempromosikan pertumbuhan ekonomi inklusif,

memperkuh keterhubungan rentas sempadan, dan meningkatkan aliran perdagangan di antara NBD, Republik Indonesia, Malaysia, dan Republik Filipina. Peningkatan keterhubungan maritim dan logistik akan memainkan peranan penting dalam membuka pasaran yang belum diterokai, menyokong perusahaan kecil dan sederhana, serta memudahkan pergerakan barangan secara cekap merentasi sub-rantau ini.

Dari perspektif Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan juga dalam kapasiti saya sebagai Pengerusi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam, kerjasama ini adalah sejajar dengan Navigating 2030, Pelan Strategik MPABD yang menyokong agenda pembangunan negara.

Bagi membangunkan sektor maritim yang berdaya maju, pelan ini menetapkan hala tuju yang jelas untuk meningkatkan daya saing pelabuhan, memperkuh kesalinghubungan maritim, serta meletakkan NBD sebagai pintu masuk maritim yang dipercayai dan cekap. Sehingga kini, kita mula menyaksikan pertumbuhan yang stabil dalam jumlah kargo konvensional dan penumpung kapal persiaran.

Sehubungan itu, peranan perniagaan maritim negara adalah amat penting bagi pertumbuhan sektor maritim negara. Kerjasama seperti ini menghidupkan strategi dengan menterjemahkan visi kepada hasil yang nyata, sekali gus memperkuh rangkaian bekalan, memperluas jaringan serantau, dan menjana nilai ekonomi sebenar.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASHIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	ISNIN	28	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
17	SELASA	29	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.54	6.33	7.44
18	RABU	30	5.06	5.16	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
19	KHAMIS	1 RAMADAN	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
20	JUMAAT	2	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
21	SABTU	3	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
22	AHAD	4	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan 31 24 °C	31 24 °C	31 25 °C	
Pekan Bangar 30 24 °C	30 24 °C	31 25 °C	
Pekan Tutong 31 24 °C	31 24 °C	31 25 °C	
Kuala Belait 31 24 °C	31 24 °C	31 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 16 FEBRUARI 2026

Pemakanan sihat asas kesejahteraan hidup

AMALAN pemakanan yang sihat memerlukan disiplin dan kesedaran yang berterusan dalam diri setiap individu. Dengan memilih makanan yang berkhasiat, mengawal saiz hidangan dan mengamalkan gaya hidup aktif, setiap individu mampu meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup secara menyeluruh. Pemakanan yang sihat bukan sekadar pilihan, tetapi satu pelaburan jangka panjang untuk kesejahteraan diri.

Amalan pemakanan yang sihat ini juga merupakan asas kepada kehidupan yang berkualiti dan tubuh badan yang cergas dengan pemakanan yang seimbang bukan sahaja membantu mengekalkan berat badan ideal, malah dapat mengurangkan risiko penyakit kronik seperti diabetes, darah tinggi dan penyakit jantung.

Tidak dinafikan dalam era moden ini, kehidupan kita dipenuhi dengan makanan segera dan minuman tinggi gula, kesedaran tentang kepentingan pemakanan sihat semakin penting dalam kalangan masyarakat. Ini menjadi kecenderungan terutama sekali kepada kanak-kanak untuk lebih gemar memakan makanan segera dan tinggi gula.

Dalam konteks ini, amalan pemakanan yang sihat amat penting dalam kalangan kanak-kanak kerana mereka berada dalam fasa perkembangan yang pesat. Pengambilan makanan sihat yang mencukupi membantu perkembangan fizikal, pertumbuhan tulang dan gigi, serta meningkatkan daya tumpuan dan prestasi pembelajaran di sekolah. Sekiranya pemakanan tidak seimbang, kanak-kanak berisiko mengalami masalah kekurangan zat makanan atau obesiti pada usia muda.

Oleh itu, ibu bapa dan penjaga perlulah memantau dan mengawal pemakanan anak-anak mereka agar tidak secara berlebihan memakan makanan tidak sihat.

Ibu bapa perlu menjadi contoh teladan. Apabila keluarga mengamalkan tabiat makan yang sihat bersama-sama, kanak-kanak lebih mudah mencontohi dan membentuk tabiat tersebut sejak kecil. Penyediaan bekal makanan yang sihat ke sekolah juga dapat membantu mengawal pengambilan gula dan makanan diproses.

Ini sangat penting kerana pemakanan sihat dalam kalangan kanak-kanak bukan sahaja menyokong perkembangan yang optimum, malah membentuk gaya hidup sihat hingga dewasa. Dengan bimbingan ibu bapa dan sokongan persekitaran yang positif, kanak-kanak dapat membesar sebagai individu yang sihat, cerdas dan bertenaga.

Secara kesimpulan ini, amalan pemakanan yang sihat mestilah menjadi amalan seharian kita agar hidup kita lebih sihat dan pada masa yang sama meningkatkan kesejahteraan hidup secara keseluruhannya. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

RAMADAN PELUANG DEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua MUIB Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) hadir pada Majlis Munajat Khas anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-219 sempena Penubuhan MUIB Ke-70 Tahun (atas), manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, dalam Perlembagaan NBD, Bahagian II mengenai Ugama dan Adat Istiadat, Perkara 3 (3) menyebutkan bahawa Majlis Ugama Islam adalah badan yang bertanggungjawab untuk menyembahkan nasihat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai semua

perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.

"Seterusnya Perkara 3 (4) Perlembagaan menyebutkan bahawa bagi maksud perkara ini - maksud perkara 3 (3) - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, boleh setelah berunding dengan Majlis Ugama Islam, tetapi tidak semestinya mengikut nasihat Majlis itu, membuat undang - undang mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan ugama Islam.

"Dimaklumi dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan menyebutkan bahawa Ugama Rasmi bagi NBD adalah ugama Islam tetapi

ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya," ujar Yang Berhormat.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof selaku Ahli MUIB; Ketua Hakim Syaie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar selaku Ahli MUIB; dan Ahli-ahli MUIB yang lain serta Ahli-ahli Badan Tanmiah Harta MUIB dan warga kerja KHEU.

Juga menyertai secara maya ialah murid-murid dan tenaga pengajar dari sekolah-sekolah



ugama seluruh negara.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Pemangku Setiausaha MUIB, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Manakala, Doa Munajat dibacakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Dipertua MUIB.

Majlis disertakan dengan Tazkirah yang disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@ Maidin selaku Ahli MUIB.

Tazkirah antara lain menjelaskan bahawa bulan Ramadan ialah bulan yang membuka peluang kepada kita semua untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyakkan ibadah dan amal kebajikan semata-mata mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud bahawa :

"Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu".

Majlis diteruskan dengan Doa Peliharakan Sultan dan NBD dibacakan oleh Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penurat Haji Awang Ahmad selaku Ahli MUIB.

Sejurus selesai Ucapan Khas oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Selawat Tafrijiyyah sebanyak tiga kali dilayangkan beramai-ramai yang dipimpin oleh wakil daripada MUIB dan wakil Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam bagi mengakhiri acara.



TAZKIRAH disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan selaku Ahli MUIB yang antara lain menjelaskan bahawa bulan Ramadan ialah bulan yang membuka peluang kepada kita semua untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tingkatkan profesionalisme, aspek keselamatan pusat penjagaan kanak-kanak



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan Pusat Penjagaan Kanak-kanak dan Anugerah Pusat Penjagaan Kanak-kanak Cemerlang sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan bawah kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Yang Berhormat turut menjelaskan, Anugerah Pusat Penjagaan Kanak-kanak Cemerlang diperkenalkan sebagai pengiktirafan tertinggi kepada pusat yang memenuhi piawai dan kriteria yang ditetapkan, sekali gus menjadi penanda aras kecemerlangan sektor ini.

Selain itu, Yang Berhormat menyeru agar semua pusat penjagaan terus meningkatkan profesionalisme, mengukuhkan aspek keselamatan dan inklusiviti, serta memastikan setiap kanak-kanak, termasuk kanak-kanak

berkeperluan khas, diberikan peluang yang saksama untuk berkembang.

Jelas Yang Berhormat lagi, kerajaan melalui KKBS akan terus komited dalam memperkasa dasar dan pemantauan, dengan kerjasama erat antara kerajaan dan sektor swasta sebagai tunjang utama dalam memastikan kesejahteraan kanak - kanak sentiasa terpelihara.

Acara kemudian diteruskan dengan pengumuman dan penyampaian Anugerah Pusat Penjagaan Kanak - kanak Cemerlang 2025, yang dianugerahkan kepada pusat yang mencapai markah keseluruhan

tertinggi berdasarkan kriteria wajib dan kriteria tambahan.

Anugerah tersebut dimenangi oleh Hanis Montessori, Cawangan Jerudong, yang menerima wang tunai berjumlah BND1,000 berserta plak penghargaan sebagai pengiktirafan atas kecemerlangan pusat berkenaan.

Pusat tersebut menunjukkan prestasi cemerlang dalam aspek keselamatan dan kecemasan, kebersihan dan kesihatan, pengurusan dan logistik, serta kualiti pusat dan profesionalisme, tanpa sebarang aduan sepanjang tempoh pemantauan.

Pusat berkenaan turut mengaplikasikan kurikulum Montessori Singapura melalui pelbagai aktiviti perkembangan kanak-kanak seperti Phonics Reading, Geometric Exploration, Wildlife Explorer, Up and Beyond Thematic Exhibition dan aktiviti Run and Play serta memberi penekanan kepada pembangunan kompetensi kakitangan melalui Caregivers Provider Training Programme yang dianjurkan oleh JAPEM.

Proses pemilihan bagi anugerah cemerlang adalah berdasarkan senarai semak yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penilaian Pusat Penjagaan Kanak-kanak yang terdiri daripada JAPEM; Jabatan Bomba dan Penyelamat; Jabatan Perancang Bandar dan Desa; Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat dan Nama-nama Perniagaan; Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas

Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Alam Sekitar, dan Jabatan Pendidikan Swasta.

Penilaian kriteria mandatori merangkumi rekod aduan yang bersih, aspek keselamatan, kebersihan, pengurusan dan kualiti perkhidmatan.

Nilai tambah juga diberikan kepada pelaksanaan program perkembangan kanak - kanak, pembangunan kompetensi kakitangan, serta elemen inklusiviti dan aksesibiliti bagi kanak-kanak berkeperluan khas.

Bagi memeriahkan acara, majlis turut diserikan dengan persembahan daripada peserta 'OKU Got Talent 2025' serta artis tempatan.

Juga hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) dan Timbalan

Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, pegawai-pegawai kanan kerajaan, ahli jawatankuasa penilaian, ketua-ketua jabatan serta pemilik pusat penjagaan kanak-kanak.

Majlis antara lain diadakan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada semua Pusat Penjagaan Kanak-kanak atas peranan penting dan komitmen berterusan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan yang selamat, bersih dan berkualiti selaras dengan peruntukan Akta Pusat Penjagaan Kanak-kanak, Penggal 218 serta peraturan yang ditetapkan.

Ia juga menjadi platform untuk memperkukuh hubungan kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta dalam usaha bersama membangunkan ekosistem Care Economy yang mampan.



BENDERA BESAR NBD BERKIBAR, TANDA BERMULANYA SAMBUTAN HK NBD KE-42



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026 hadir selaku tetamu kehormat majlis pada upacara berkenaan.

>> Muka 1

Turut hadir, Timbalan-timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha - setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 serta ahli-ahli jawatankuasa lain.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis seterusnya menyaksikan anggota-anggota Pasukan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan pasukan pembawa bendera benteng yang terdiri daripada Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kadet Polis Diraja

Brunei, Kadet Bomba dan Penyelamat serta Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bergerak masuk bagi penyerahan dan penerimaan Bendera Besar NBD daripada tetamu kehormat majlis.

Penyempurnaan Upacara Menaikkan Bendera Besar NBD diiringi dengan Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' oleh kumpulan koir yang dianggotai oleh 42 penuntut dari Sekolah Menengah Berakas serta diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Majlis diteruskan dengan Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan seramai 42 orang yang dikepalai oleh Pegawai Kaunselor Kanan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Amir Shukri bin Haji Zawawi, dan laungan takbir 'Allahuakbar' sebanyak tiga kali oleh Imam Tingkat I, Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal

Ugama, Awangku Muhammad Abdul Qadir bin Pengiran Haji Ibrahim.

Majlis berkenaan juga dimeriahkan dengan dua buah Lagu Patriotik 'Berkibarliah Bendera' dan 'Bersatu Mencapai Cita Negara' diiringi dengan kibaran bendera kecil oleh seramai 142 penuntut dari Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STAHB), Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Persekutuan Pengakap NBD dan Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam.

Pada akhir upacara, majlis disempurnakan dengan penyampaian bendera-bendera negara bersaiz sederhana dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 kepada Pegawai-pegawai Daerah bagi keempat-empat daerah.



UPACARA Menaikkan Bendera Besar NBD di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara (kanan), manakala gambar atas, lafaz Ikrar HK seramai 42 orang yang dikepalai oleh Pegawai Kaunselor Kanan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Amir Shukri bin Haji Zawawi.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin, Arifah Mohammad Aliwaridi

Dengan berkibarnya Bendera Besar NBD, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini adalah diseru untuk sama-sama mengibarkan bendera bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-42, Tahun 2026 di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalaan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai hari ini Sabtu, 26 Syaaban 1447 Hijrah bersamaan 14 Februari 2026 Masihi sehingga Rabu, 7 Ramadan 1447H

bersamaan 25 Februari 2026M.

Manakala, Pengiran-pengiran akan mengibarkan bendera peribadi, sementara orang-orang yang dikumiakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing, dan bagi orang ramai pula hendaklah mengibarkan bendera NBD.

Setiap bendera yang dikibarkan hendaklah mengikut peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan dengan memastikan bendera berkenaan dalam keadaan baik, tidak pudar warnanya dan tidak koyak.



Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026



MAJLIS Menaikkan dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42, Tahun 2026 bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) (atas), manakala gambar kanan, Pemangku Pegawai DBM hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut. Sementara gambar bawah kanan, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Kumpulan Koir dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Majlis Menaikkan dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42, Tahun 2026 bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) di pekarangan Letak Kereta, Jabatan DBM, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua

Kampung Tingkat I, Kampung Kiarong, Awang Mohd. Shair bin Haji Samsudin.

Majlis diteruskan dengan tetamu kehormat menyerahkan Bendera Kebangsaan NBD kepada Anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bagi Upacara Menaikkan Bendera dengan diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Kumpulan Koir dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

Seterusnya pengagihan bendera - bendera dan penyampaian sijil - sijil penghargaan kepada penghulu-penghulu mukim dan pemangku-pemangku penghulu

mukim; wakil-wakil dari institusi-institusi pengajian tinggi; persekutuan - persekutuan; persatuan-persatuan; pihak-pihak swasta; Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs); wakil Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei dan Muara, PPDB; Pasukan Pancaragam Jabatan Bomba dan Penyelamat; Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Pendidikan Kokurikulum; Kumpulan Koir Sekolah Menengah Sayyidina Husain dan Pasukan Kecemasan Voluntary First Aid Support Team.

Turut hadir, pegawai-pegawai dan kakitangan - kakitangan, Jabatan DBM serta media massa.

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026



UPACARA Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Kali Ke 42, Tahun 2026 bagi Daerah Tutong diadakan di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong (kanan), sementara gambar atas, Pemangku Pegawai Daerah Tutong menyerahkan bendera kepada penerima.

TUTONG, Sabtu, 14 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Kali Ke 42, Tahun 2026 bagi Daerah Tutong diadakan pagi tadi, bertempat di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Ketua Imam Masjid Kampung Penabai, Tutong, Awang

Muhammad Syuwari bin Haji Ilham.

Acara diteruskan dengan rombongan pembawa bendera negara diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Turut serta pada acara berkenaan, pasukan-pasukan beruniform sekolah menengah yang terdiri dari Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Sekolah Menengah Muda Hashim, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Sekolah Menengah Tanjong Maya, Sekolah Menengah Sayyidina Othman dan Ma'had Islam Brunei.

Majlis juga disemarakkan dengan Lagu Bendera Negara oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan penuntut-penuntut dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis juga menyerahkan

Daerah Tutong

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

bendera negara kepada penghulu - penghulu mukim, ketua - ketua kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.

Hadir sama pada majlis

berkenaan, ketua-ketua jabatan dan cawangan kerajaan di Daerah Tutong, penghulu - penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku-pemangku ketua kampung.



Daerah Belait



BELAIT, Sabtu, 14 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-42, Tahun 2026 bagi Daerah Belait telah diadakan di Taman Persiaran Cendera Kenangan, Jalan Sungai, di sini. Hadir menyaksikan upacara berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amiroil

Hafidzin bin Haji Muhammad.

Majlis dimulakan dengan kehadiran pembawa Bendera NBD yang disambut oleh penuntut yang memegang bendera terdiri daripada Pasukan Kadet Tentera Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Maktab Anthony Abel serta kadet dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Belait. Bacaan Surah Al-Fatihah dan

Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Bukit Sawat, Daerah Belait, Awang Md. Wafiy Wazini bin Sabli.

Pemangku Pegawai Daerah Belait seterusnya menyerahkan Bendera NBD kepada anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei Cawangan Kuala Belait untuk dikibarkan.

Upacara Menaikkan Bendera NBD diiringi dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Kumpulan Koir dari PTE Belait.

Sejurus selepas itu, Pemangku Pegawai Daerah Belait menyerahkan Bendera-bendera NBD kepada penghulu-penghulu mukim dan pemangku-pemangku penghulu mukim di Daerah Belait serta wakil daripada persatuan-persatuan.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait, penghulu - penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, pihak-pihak swasta serta ahli-ahli persatuan.

Salah satu peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk negara ini secara



UPACARA Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-42, Tahun 2026 bagi Daerah Belait diadakan di Taman Persiaran Cendera Kenangan, Jalan Sungai (kiri), sementara gambar atas, Pemangku Pegawai Daerah Belait menyerahkan bendera kepada penerima.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

individu dalam sama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun HK NBD ialah mengibarkan Bendera Kebangsaan NBD di halaman rumah masing-masing, iaitu sebagai simbol patriotik kepada negara dan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menurunkannya mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan.

Bendera yang dikibarkan berkenaan akan diturunkan pada Rabu, 25 Februari 2026.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Sabtu, 14 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-42, Tahun 2026 bagi Daerah Temburong diadakan pagi tadi, bertempat di kawasan letak kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-piasau, Daerah Temburong; Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohamad Azmi

bin Haji Suhaili, selaku Pengerusi Majlis, ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku ketua-ketua kampung, jemputan-jemputan khas dan persatuan-persatuan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Upacara diteruskan dengan Majlis Penyerahan Bendera NBD daripada tetamu kehormat majlis kepada anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Upacara Menaikkan Bendera NBD dan diiringi dengan Lagu Kebangsaan

'Allah Peliharakan Sultan' dan disusuli dengan lagu 'Berkibarlah Bendera' dan lagu 'Brunei Bumi Bertuah' oleh para penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan Temburong.

Acara diteruskan lagi dengan penyerahan Bendera NBD kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua cawangan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong.

Dari detik 14 Februari 2026, bermulalah berkibarnya bendera NBD. Bagi Pengiran-pengiran dan Orang Yang Bergelar hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka di rumah kediaman masing - masing, manakala bagi orang ramai, bangunan-bangunan kerajaan dan premis-premis perniagaan hendaklah mengibarkan bendera NBD di tempat masing-masing bermula pada hari ini sehingga 25 Februari 2026.

Daerah Temburong



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong menyerahkan bendera kepada penerima.

MPK KASAT ADAKAN MAJLIS TAHLIL, DOA ARWAH SEKAMPUNG



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Lumapas hadir pada majlis berkenaan. Turut hadir, Timbalan Mufti Kerajaan.

penduduk kampung yang telah kembali ke rahmatullah.

Pada majlis tersebut, seramai lapan orang anak yatim yang bermastautin di Kampung Kasat menerima sumbangan.

Selain itu, hasil wang sedekah yang disumbangkan oleh penduduk kampung berjumlah BND5,506 disalurkan bagi tujuan mengadakan majlis tersebut.

Usaha seperti ini mencerminkan semangat pemedulian dan perpaduan yang tinggi dalam kalangan masyarakat kampung.

Selain itu, majlis seumpama ini akan terus menjadi platform mengeratkan silaturahim, memperkukuhkan ukhuwah serta memakmurkan institusi masjid.

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Kasat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kasat dengan kerjasama Ahli-ahli Takmir Masjid Kampung Kasat

mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung baru-baru ini.

Hadir pada majlis itu ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin

Haji Chuchu dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.

Turut hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Mat Dain@Maidin; dan

Ketua Kampung Kasat, Awang Haji Erifin bin Haji Mohd. Yusof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti dengan Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh pegawai masjid yang dikhususkan kepada ahli keluarga serta

Manfaatkan masa, perbanyakkan amal ibadah



KULIAH Khas Persediaan Ramadan yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin (atas dan kanan).

SUNGAI AKAR, Sabtu, 14 Februari. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar, kelmarin menganjurkan Kuliah Khas Persediaan Ramadan yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Dalam penyampaian, beliau menekankan bahawa bulan Ramadan merupakan satu-satunya bulan yang disebut secara khusus di dalam Al-Quran, sekali gus menunjukkan keistimewaan dan kemuliaannya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau mengingatkan bahawa kehidupan di dunia ini hanyalah sementara, dan umat Islam hendaklah memanfaatkan masa, khususnya ketika diberikan nikmat kesihatan dan kelapangan, untuk memperbanyakkan ibadah serta



Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah

melakukan amal kebajikan sebelum nikmat tersebut ditarik balik.

Beliau turut menyarankan agar persediaan menyambut Ramadan dimulakan sejak bulan Syaaban lagi dengan melatih diri mengawal hawa nafsu, menahan diri daripada melakukan perkara - perkara mungkar, memperbanyakkan zikir dan amal ibadah sebagai latihan rohani.

Menurutnya, Ramadan juga dikenali sebagai bulan Al-Quran. Justeru, umat Islam digalakkan untuk menghidupkan Ramadan dengan memperbanyakkan bacaan Al-Quran, sekurang-kurangnya mengkhataamkan sekali sepanjang bulan tersebut, dan sebaik-baiknya beberapa kali sebagai usaha meningkatkan kecintaan terhadap kitab suci Al-Quran.

Selain itu, beliau menyeru agar amalan bersedekah diperbanyakkan sepanjang Ramadan kerana ganjaran pahala dilipatgandakan. Antaranya termasuk menyediakan juadah berbuka puasa kepada orang yang berpuasa, yang dijanjikan pahala seperti orang yang berpuasa tersebut.

Dalam pada itu, beliau turut menekankan kepentingan menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih yang hanya didirikan pada bulan Ramadan, sebagai peluang menambah pahala di samping menghidupkan malam dengan Qiamullail.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Penaung MRSB, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Bersama membantu meningkatkan bekalan darah

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Isnin, 16 Februari 2026 bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.00 petang hingga 3.00 petang bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Manakala pada Sabtu, 21 Februari 2026 bermula jam 8.00 malam hingga 10.00 malam bertempat di Kempen Malam Bulan Ramadan Excapade Japanese Restaurant Cawangan Serusop.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 petang hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Sementara itu, sepanjang bulan Ramadan, orang ramai yang bukan beragama Islam dan tidak berpuasa adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital RIPAS atau mana-mana tabung darah yang berdekatan di seluruh negara untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 pagi hingga 1.00 petang.

Pusat Pendermaan Darah adalah ditutup pada setiap hari Jumaat dan Ahad serta hari-hari kelepasan awam kecuali pada kempen-kempen yang telah dijadualkan lebih awal.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Isnin 16 Februari 2026 9.00 pagi hingga 11.30 pagi 1.00 petang hingga 3.00 petang	Dewan Setia Pahlawan Bangunan Kementerian Sumber- Sumber Utama dan Pelancongan
Sabtu 21 Februari 2026 8.00 malam hingga 10.00 malam	Kempen Malam Bulan Ramadan Excapade Japanese Restaurant Cawangan Serusop

MPK BELIMBING ADAKAN MAJLIS DOA ARWAH SEKAMPUNG



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut. Turut hadir sebagai tetamu khas, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh, Ketua Kampung Subok (atas dan atas kanan).

Berita dan Foto : Aimi Sani

SUBOK, Ahad, 15 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbing, mengadakan Majlis Doa Arwah Sekampung dan Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Masjid Kampung Belimbing Subok, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing.

Turut hadir sebagai tetamu khas, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh, Ketua Kampung Subok.

Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran Penghulu Mukim Kota Batu, Penghulu Mukim Berakas 'B' serta Ketua-ketua Kampung Mukim Kota Batu.

Majlis dianjurkan sebagai tanda penghormatan kepada ahli keluarga dan warga kampung yang

telah pergi serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan komuniti.

Pengisian acara diselenggarakan dengan penyampaian derma anak-anak yatim yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis. Sumbangan tersebut adalah sebagai usaha kecil penduduk kampung untuk membantu golongan yang memerlukan. Kemudian majlis diteruskan dengan Bacaan Tahlil dan Doa Arwah dan diakhiri dengan bacaan doa sebelum menikmati jamuan.



TAHUKAH AWDA?

جائز تنانگ
JABATAN TENAGA

APA ITU TENAGA SURIA?

- ☀️ Tenaga suria adalah salah satu tenaga yang boleh diperbaharui yang dijana oleh matahari.
- ☀️ Cahaya matahari ditukar kepada tenaga elektrik melalui alat yang dikenali sebagai panel solar fotovoltaik.

Terdapat 3 jenis sistem tenaga suria

ATAS GRID	LUAR GRID	HIBRID
Bersambung dengan grid utiliti.	Bergantung kepada panel solar dan bateri sahaja.	Gabungan sistem penyimpanan tenaga elektrik melalui bateri dengan grid.

TAHUKAH AWDA?

☀️ Dengan sistem atas grid, sebarang lebihan tenaga elektrik yang awda hasilkan boleh dieksport kembali ke grid utiliti melalui Program **Net-metering**.

www.energy.gov.bn
 renewable.energy@energy.gov.bn
 + 675 2584488 ext 3271

Mengukuhkan dialog serantau, kerjasama parlimen menghadapi cabaran teknologi semasa

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

>> Muka 1
Program latihan berkenaan menjadi landasan bagi mengukuhkan dialog serantau dan kerjasama antara parlimen dalam

menghadapi cabaran teknologi semasa. Dalam ucapan Pembukaan Rasmi Dewan Perwakilan Rakyat

Republik Filipina, Yang Berhormat Faustino "Bojie" G. Dy III, menyentuh potensi Kecerdasan Buatan (AI) dalam meningkatkan kecekapan Perkhidmatan Awam dan menegaskan keperluan meningkatkan kewaspadaan terhadap penyalahgunaan platform digital terutamanya dalam penyebaran maklumat palsu.

Yang Berhormat Faustino "Bojie" G. Dy III juga menekankan akan kepentingan penguatkuasaan

undang-undang, pengawasan legislatif serta kerjasama berterusan antara parlimen negara-negara ASEAN dalam menangani jenayah rentas sempadan.

Program latihan berkenaan turut melibatkan pakar daripada beberapa organisasi antarabangsa, antaranya United Nations Office of Counter-Terrorism (UNOCT), United Nations Office of the High Commissioner for Human

Rights (OHCHR) dan DLA Piper LLP, yang membincangkan aspek perkembangan penggunaan AI, keselamatan digital serta isu hak asasi manusia.

Sebagai hasil daripada program berkenaan, Republik Filipina akan mencadangkan draf resolusi berkaitan AI untuk dibentangkan semasa Mesyuarat Perhimpunan Agung Ke-47 ASEAN Inter - Parliamentary Assembly nanti.

HALUAN

>> Muka 2

Oleh itu, saya dengan penuh yakin mengalu-alukan inisiatif, visi, dan komitmen yang ditunjukkan oleh Warisan Shipping Line dalam memajukan kemampuan maritim NBD, dan saya juga mengalu-alukan keyakinan DP World terhadap Brunei Darussalam sebagai rakan kongsi serta sebagai platform untuk pertumbuhan serantau.

Saya yakin bahawa kerjasama ini akan membawa manfaat yang ketara, bukan sahaja dari segi komersial, malah dalam memperkukuh daya tahan rantaian bekalan, kepelbagaian perdagangan, serta ketahanan ekonomi jangka panjang.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan terhadap sokongan dan sumbangan berterusan daripada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), serta kementerian, agensi, dan pihak berkepentingan yang berkaitan, yang melalui usaha bersama telah menjayakan inisiatif ini.

Inilah kemajuan yang kita cari: berpandukan kerjasama, dipandu oleh strategi, dan diperkukuh oleh tanggungjawab bersama. Perkongsian seperti ini mengubah objektif strategik menjadi keupayaan sebenar, memperkukuh kerjasama serantau, dan membuka jalan yang jelas bukan sahaja untuk masa kini tetapi juga untuk generasi akan datang.

Dengan harapan dan keyakinan tersebut, serta dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga usaha kedua-dua pihak dalam merealisasikan komitmen ini membuahkan hasil dan manfaat yang berpanjangan.

Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara menyertai program latihan 'Legislative and Policy Measures to Prevent and Counter the Use of Artificial Intelligence and New Technologies for Terrorism and Violent Extremism'.

WARGA KSSUP TERIMA KURMA KURNIA PERIBADI KEBAWAH DYMM

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi bagi KSSUP serta



jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Bilik VIP, Bangunan KSSUP, petang tadi.

Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diserahkan kepada ketua-ketua jabatan untuk diserahkan pengagihannya kepada setiap pegawai dan kakitangan masing-masing di bawah KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

MAJLIS Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KSSUP.

JPI laksanakan pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PEMANGKU Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil hadir bagi menyempurnakan pengagihan berkenaan (kiri), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

RIMBA, Sabtu, 14 Februari. - Pengagihan kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dilaksanakan sejak 1995 dan ia merupakan salah satu amal jariah baginda yang mencerminkan kasih sayang dan sifat keprihatinan baginda terhadap rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini lebih-lebih lagi dalam melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan yang bakal menjelang.

Sehubungan itu, pengagihan Kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi warga Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dilaksanakan pagi tadi bertempat di Dewan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir bagi menyempurnakan pengagihan berkenaan, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.



Bengkel Tarannum Al-Quran perkasa kualiti bacaan qari, qariah negara

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Seramai 25 orang peserta mengikuti Bengkel Tarannum Al-Quran anjuran Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), yang diadakan bersempena dengan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang dijadualkan berlangsung pada penghujung April 2026.

Bengkel berkenaan diadakan selama lima hari, bermula 10 hingga 14 Februari 2026, bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU.

Daripada jumlah tersebut, 12 orang adalah peserta yang akan bertanding dalam Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan, manakala 13 orang lagi terdiri daripada peserta peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah yang telah memperoleh markah 85 peratus ke atas bagi qari dan 80 peratus ke atas bagi qariah.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Bengkel Tarannum Al-Quran diadakan petang tadi dengan penyampaian sijil kepada pembengkel jemputan dan para peserta bengkel.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil ialah Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIM, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Sepanjang bengkel tersebut, para peserta dibimbing oleh pembengkel jemputan dari Malaysia, Ustaz Che' Yahaya bin Daud, yang berpengalaman luas dalam bidang tarannum dan pernah menjadi hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun

2015. Beliau juga sering dijemput sebagai hakim Majlis Tilawah Al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.

Antara objektif utama bengkel ini diadakan adalah sebagai usaha memperkasa bacaan qari dan qariah Negara Brunei Darussalam melalui pendedahan kepada kaedah bacaan serta variasi lagu Al-Quran yang lebih segar dan berbeza daripada pendekatan yang lazim diketengahkan di rantau nusantara.

Selain itu, bengkel ini turut menjadi persiapan awal kepada para peserta bagi menghadapi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1447H/2026M, di samping memastikan mereka benar-benar bersedia untuk mempersembahkan bacaan yang mantap, berkualiti tinggi serta menguasai teknik-teknik bacaan yang akan dipraktikkan dalam pertandingan tersebut.

Dengan adanya bengkel ini, para qari dan qariah berpeluang memperkemas dan memantapkan mutu bacaan masing-masing, khususnya dalam aspek tajwid, fashahah, lagu dan suara.

Di samping itu, bengkel ini juga menjadi platform latihan bersemuka bersama pembimbing yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang bacaan Al-Quran.

Melalui bimbingan intensif sepanjang lima hari tersebut, setiap peserta berpeluang menilai, meneliti dan memperhalusi mutu bacaan masing-masing secara terperinci, selain menambah ilmu pengetahuan serta memperkukuh kefahaman dalam bidang tarannum dan pengajian Al-Quran.



PENGARAH Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIM, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada penerima (atas dan bawah).





SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Februari. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kilanas telah menganjurkan Majlis Penyerahan Program Kongsi Rezeki kepada asnaf fakir dan miskin khusus bagi penduduk Kampung Kilanas, bertempat di masjid berkenaan.

Majlis juga diselenggarakan dengan Majlis Khatam Al-Quran bagi

SEKITAR Majlis Penyerahan Program Kongsi Rezeki yang diadakan di Masjid Kilanas (kiri dan kanan).

Masjid Kampung Kilanas dan Majlis Tahliil dan Doa Arwah Sekampung bagi Kampung Kilanas bersempena menyambut bulan Ramadan 1447 Hijrah yang akan tiba.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Hadir sama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas; Penghulu Mukim Kilanas, Ketua Kampung Kilanas, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kilanas dan penduduk-penduduk kampung.

Tujuan utama acara berkenaan diadakan adalah bagi membantu para penduduk kampung terutama sekali para asnaf fakir dan miskin dalam Kampung Kilanas untuk persediaan awal menjelang bulan Ramadan 1447H.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Seramai 47 buah keluarga menerima sumbangan berbentuk makanan asasi seperti beras, gula, minyak masak dan lain-lain lagi.

Semua barangan berkenaan adalah hasil sumbangan daripada penduduk kampung dan orang ramai.

Tanam semangat kebangsaan, patriotisme dalam kalangan pelajar

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 15 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kegiatan Kerohanian, Jabatan Pendidikan Kokurikulum hari ini mengadakan Majlis Penutup Perkampungan Rohani Sekolah-sekolah Menengah, Maktab dan Pusat Tingkatan Enam Senegara Kali Ke-5 Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Dewan Kuliah, Jame' 'Asr Hassanil Bolkia, Kampung Kiarong.

Perkampungan berkenaan telah diadakan selama dua hari, pada 13 dan 15 Februari 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil penyertaan kepada wakil sekolah yang menyertai perkampungan berkenaan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Seramai 94 peserta terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan daripada sekolah menengah, maktab serta pusat tingkatan enam daripada 13 buah sekolah kerajaan dan swasta menyertai perkampungan berkenaan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum yang dikendalikan setiap tahun.


Antara aktiviti-aktiviti yang dikendalikan pada perkampungan berkenaan ialah khidmat kemasyarakatan, aktiviti kerja berpasukan, dan ceramah motivasi.

Objektif perkampungan berkenaan antara lain adalah untuk mendidik para pelajar agar menghayati amalan kehidupan Islami di samping menanam semangat kebangsaan dan patriotisme yang lebih kukuh dalam diri mereka.

Selain itu, program berkenaan juga dihasratkan dapat menggalakkan para pelajar untuk

tampil ke hadapan dalam berkongsi ilmu, pengalaman dan kemahiran secara lebih yakin dan berkesan.

PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan semasa menyampaikan sijil penyertaan kepada penerima (kanan). Sementara gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Belia Masjid Pemangkin Kepimpinan Ummah'. Tarikh Tutup : 18 Februari 2026
2. 'Peranan Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi'. Tarikh Tutup : 25 Februari 2026
3. 'Memperkasa Budaya Membaca'. Tarikh Tutup : 4 Mac 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PLATFORM DIGITAL PENDIDIKAN BANTU MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGAJARAN, PEMBELAJARAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



PEMANGKU Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Dayang Hajah Sabarina binti Haji Ajak menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada penerima.

KATOK, Sabtu, 14 Februari. - Platform Digital Pendidikan dihasratkan dapat meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, di samping memudahkan cara pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar di persekolahan Arab dan ugama.

Penyediaan platform berkenaan merupakan kesinambungan usaha Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi menyediakan

sekolah - sekolah dengan peralatan komputer, capaian internet dan prasarana yang lain bagi menyokong pelaksanaan pembelajaran secara Blended Learning di persekolahan Arab dan ugama.

Sebanyak 21 buah sekolah ugama telah melaksanakan penggunaan Platform Digital Pendidikan pada 2025, manakala 42 buah sekolah lagi menyusul pada 2026.

Dengan itu, jumlah keseluruhan sekolah ugama yang berjaya

menerapkan penggunaan platform berkenaan dalam pengajaran dan pembelajaran masing-masing adalah sebanyak 63 buah sekolah.

Sehubungan dengan itu, bagi menghargai usaha dan komitmen pihak sekolah dalam mendukung inisiatif JPI ke arah penyediaan pendidikan ugama yang berkualiti dan berinovatif kepada para pelajar di negara ini, satu Majlis Doa Kesyukuran dan Penghargaan telah diadakan di Auditorium Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Kampung Katok, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Dayang Hajah Sabarina binti Haji Ajak, yang turut menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada sekolah-sekolah yang diraikan serta para pemenang pertandingan kuiz yang diadakan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil, selaku Pengerusi Majlis.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil oleh tetamu kehormat majlis, penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan kuiz, tayangan video, dan lawatan ke pameran Platform Digital Pendidikan.

Fenomena air kemerah-merahan kini memasuki kawasan pesisiran pantai



FENOMENA air kemerah-merahan kini telah merebak dari kawasan luar pantai (*offshore*) dan memasuki kawasan pesisiran pantai (*coastline*) Brunei dan Muara, dari Pantai Muara hingga ke Pantai Jerudong (atas), manakala gambar bawah, jenis-jenis ikan yang ditegah untuk dijual dan dimakan semasa air kemerah-merahan.

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perikanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Susulan daripada kenyataan media bertarikh 22 Syaaban 1447 Hijrah bersamaan dengan 10 Februari 2026 Masihi, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Negara Brunei Darussalam (NBD) telah melaksanakan pemantauan lanjutan bagi keadaan air kemerah-merahan di perairan NBD dengan kerjasama dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) pada Jumaat, 13 Februari 2026.

Hasil daripada pemantauan dan analisa makmal, Jabatan Perikanan telah mendapati bahawa fenomena air kemerah-merahan kini telah merebak dari kawasan luar pantai (*offshore*) dan memasuki kawasan pesisiran pantai (*coastline*) Brunei dan Muara, dari Pantai Muara hingga ke Pantai Jerudong.

Sepertimana nasihat sebelum ini, Jabatan Perikanan menegaskan agar orang ramai, terutamanya nelayan, adalah dilarang sama sekali daripada menangkap ikan atau mengutip kerang-kerangan di kawasan yang terjejas dan untuk tidak mengambil dan memakan ikan yang didapati mati di perairan NBD memandangkan ia boleh dicemari dengan bahan toksin yang berbahaya kepada kesihatan manusia.

Penjual-penjual ikan juga dinasihatkan untuk tidak menjual ikan-ikan kecil seperti aur-aur, tamban, basong-basong, pusu, kuasi, bubuk dan semua jenis kerang-kerangan yang terjejas oleh air kemerah-merahan.

Orang ramai juga diingatkan untuk membuang semua insang, perut dan organ-organ dalaman ikan sebelum dimasak, serta tidak memakan ikan-ikan kecil yang tidak dapat dibuang insang, perut dan organ-organ dalaman serta kerang-kerangan dari kawasan yang terjejas atau yang tidak diketahui tempat asalnya.

Di samping itu, orang ramai juga turut dinasihatkan untuk mengelakkan penggunaan air atau melakukan sebarang aktiviti air seperti mandi di kawasan pantai yang terjejas, termasuk Pantai Muara, Pantai Meragang, Pantai Tungku dan Pantai Jerudong.

Jabatan Perikanan, KSSUP akan terus memantau fenomena air kemerah-merahan berkenaan dan memaklumkan sebarang perkembangan secara berterusan, bagi memastikan orang ramai sentiasa menerima maklumat yang tepat dan terkini.

Orang ramai boleh membantu dengan melaporkan sebarang kejadian perubahan warna air atau penemuan ikan mati dalam jumlah yang banyak di kawasan perairan dan pantai-pantai NBD melalui talian +673 2770068 (waktu bekerja) atau melalui e-mel enquiry@fisheries.gov.bn.

Sebarang maklumat atau pertanyaan berkaitan juga boleh disalurkan secara terus kepada Jabatan Perikanan melalui laman sesawang rasmi dan akaun media sosial jabatan.



Sekolah Menengah Rimba berjaya raih 2 pingat gangsa

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



SEKOLAH Menengah Rimba meraih dua pingat gangsa melalui projek 'RimbaScan : An AI Plant Assistant for Agriculture and Education' semasa penyertaan dalam The 14th Regional Congress Search for SEAMEO Young Scientists Programme 2025/2026.

KUALA LUMPUR, Sabtu, 14 Februari. - Sekolah Menengah Rimba telah berjaya meraih dua pingat gangsa melalui projek 'RimbaScan : An AI Plant Assistant for Agriculture and Education' semasa penyertaan dalam The 14th Regional Congress Search for SEAMEO Young Scientists Programme 2025/2026 yang berlangsung dari 9 hingga 12 Februari 2026 bertempat di Pulau Pinang, Malaysia.

Kejayaan berkenaan diraih menerusi Kategori Special Award for the Application of STEM Concepts dan Special Award for Commercial Potential.

Dalam pertandingan berkenaan, dua projek telah dipertandingkan, iaitu 'RimbaScan : An AI Plant Assistant for Agriculture and Education' dari Sekolah Menengah Rimba; manakala 'Living on Pressure' pula dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Tema pertandingan pada tahun ini ialah 'GREENOVATE : Youth Turning Vision into Action for a Sustainable Future'.

Pertandingan berkenaan telah disertai oleh pelajar-pelajar, iaitu Awang Ahmad Khairi Zakwan bin Haji Mohd. Marzuki, dan Awang Muhammad Danny Daniel bin Abdullah dari Sekolah Menengah

Rimba; manakala Awang Muhammad Darwisy Syahmi bin Haji Mohd. Alimin dan Dayang Siti Nor' Alya Amanina@Athirah binti Awang Haji Rahim pula dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Turut mengiringi para pelajar berkenaan ialah Pegawai Pendidikan dari Sekolah Menengah Rimba, Lena Ang Yan Ping; dan Pegawai Pendidikan dari MSPSBS, Dayang Siti Nuraini binti Haji Japarin.

Penyertaan seramai empat pelajar dan dua guru pengawas semasa pertandingan berkenaan telah diselaras oleh Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP), dan dianjurkan oleh SEAMEO RECSAM.

Pertandingan berkenaan bertujuan memberikan penekanan terhadap kepentingan pendidikan hijau, kesedaran alam sekitar, kelestarian, perubahan iklim dan pemikiran keusahawanan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan keutamaan serantau.

Peserta juga berpeluang untuk menerapkan asas STEM untuk mencipta projek penyelidikan dan produk inovatif yang menyumbang kepada masa depan yang lebih peka terhadap alam sekitar dan berdaya tahan.

Program berkenaan diisi dengan penilaian bagi pameran projek, pembentangan dan permainan berunsurkan pendidikan yang menerapkan elemen STEM dan pendidikan hijau untuk pelajar.

سوره ابراهيم

مَرْحَبًا يَا رَمَضَانَ

جماعه يغ درحمي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكتكن كإيمانن كفتدن. سسوغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيسى الله ﷺ ايت اياه اورغ يغ فالينغ بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ براوله كحيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

الحمد لله، هان تيغكل برفا هاري سهاج لاکي اومت اسلام اکن مهمبوت كداتغن بولن سوحي رمضان المبارك. بولن يغ فنه برکة اين امت دنني-نتنيك اوليه سلوروه اومت اسلام. رمضان ممباوا ليمقهن نعمت، رحمة دان كمولين. اي مروفاکن بولن يغ ساعت إستيموا کران ستياف عمل عبادت يغ دلاکوکن اکن دبري کنجارن فهلا يغ برليقت کندا.

درفد أبو هريرة رضي الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا يغ بر مقصود: ستياف عملن ائق-ائق آدم ايت دليقتکندان، ساتو كجاجين دليقتکندان دغن سقولوه هيغك توجه راتوس كالي کندا. الله برفرمان: كجوالي فواسا، سسوغكوهن فواسا ايت اوتوق اكو دان اكله يغ اکن ميري کنجارن فهلان. اورغ يغ برفواسا ايت تله منيغكلکن نفسو شهوة، ماکن دان مينوم کران اكو. باكي اورغ يغ برفواسا اد دوا ككميران، ككميران كتيك بربوكا دان ككميران كتيك اي منجمقاي توهنن. دان باو مولوت اورغ يغ برفواسا دهادفن الله لبيه هاروم دري واغين كستوري. {حديث رواية إمام مسلم}

جماعه يغ درحمي الله،

فواسا منوروت شرع اياه مناهن دبري درفد فرکارا يغ ممبطلکن فواسا برمولا درفد تربيت فجر هغك تربن منتهي دسرتاي نية. نامون فواسا يغد كهندي الله ﷺ بوکن هان صح فد حكوم فقه سهاج، تناي جوك ترقليهارا نيلاين فد اخلاق. سبب ايت، رسول الله ﷺ مغايغتن سببايمان حديث درفد أبو هريرة رضي الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا: **الصَّيَامُ جَنَّةٌ، فَمَا يَرْفُثْ وَلَا يَجْهَلْ، وَإِنْ أَمْرٌ قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ فَلْيُقِلْ: إِنْ صَامَ.**

مقصودن: فواسا ايت اداله فريسي. مك جاغله دي (اورغ يغ برفواسا ايت) مغلوارکن کات-کات کجي دان جاغله دي بربوات فرلاکوان اورغ-اورغ جاهل. دان سکوران سساورغ مغاجقن برتغکر اتاو ماکي هامون دان منجلان، مک هندقله دي مغاتکن: سسوغکوهن اكو سدغ برفواسا. {حديث رواية إمام بخاري}

حديث اين منديق کيت بوا فواسا اياه فريسي. فريسي درفد معصية، فريسي درفد ابي نراکا دان فريسي يغ ممبتوق صبر سرت منوندقکن نفسو. مک اداله فرکارا يغ ساعت مروکيکن باكي اورغ يغ برفواسا ايت اياه اقبيل دي منجاك لافر دان دهاکا، تناي ليدهن تيدق دجاك، مانان تيدق دقلهارا، تليغان بييس مندغر يغ ملالاين دان تاغتن ملاکوکن يغ تيدق واجر.

جلسله، فواسا مغاجر کيت مغاول دبري: منجاك ليده درفد دوسا، اومفانن، فتنه دان کات ۲ کاسر؛ منجاکا فنداغن درفد فرکارا حرام؛ منجاکا تليغا درفد فرکارا کجي دان ملالاين؛ دان منجاکا فرکاولن دان ايتوسي درفد فرتغکارن. دان اقبيل داوجي دغن کغکوان اورغ لاين، ايغله فسن نبي ﷺ "سسوغکوهن اكو سدغ برفواسا." مک اينله تندا کيت ميمليه فهلا، بوکن ميمليه کمناعن هوا نفسو.

جماعه يغ درحمي الله،

اقبيل ممقرکانکن تننغ وقتو بربوكا فواسا فولا، اي مروفاکن ساعت يغ امت دنني-نتنيك دان مغكميران باكي اورغ يغ برفواسا ستله سهارين مناهن دبري درفد ماکن، مينوم سرتا مناهن دبري درفد ملاکوکن فرکارا-فرکارا يغ ممبطلکن فواسا. انتارا تربند يغ سماکين دکماري ماس کيبي اياه برسوغکاي اتاو بربوكا فواسا دلوار، سام اد دکدای ماکن، ريستورن اتاو کالوسن تربوكا سقرتي دغقت-دغقت ريکراسي دان سباکين. نامون دمکين، تردافت برفا فرکارا فنتيغ يغ فرلو دبري فرهاين کتيك برسوغکاي دلوار، انتاران اياه:

قرتام: منونين سبهيغ فرض فد وقتون. برهاتي-هاتيله کتيك منعمي جواده سوقتو برسوغکاي، جاغن کران ترلالو عاشيق ماکن سهيغك ترلفس وقتو سبهيغ فرض مغرب.

کلوا؛ ملقسانکن سبهيغ سنة تراويح. سبهيغ اين ساعت إستيموا کران هان دافت دلاکوکن فد مالم-مالم دبولن رمضان سهاج. اوليه ايت، تانمکنله عزم دسفنغ بولن رمضان اين اوتوق ملقسانکن، دسهيغ ممباج القرآن، براعتکاف دان ممقربايغکن عمل عبادت يغ لاين.

کتيك: منجاوهي فرکارا-فرکارا يغ مکروه سقرتي ماکن سجارا برليهن سهيغك ترلالو کيغ دان مغايغکن فمبديرن دام فديان ماکن.

کامقت: کيت هندقله ماکاي فکايين يغ برسوايان ايت سوئن دان منوتوف عورة.

جماعه يغ درحمي الله،

ماريله کيت سام-سام مناده تاغن، مرندهکن هاتي دان موهون كحضرة الله ﷺ اکر کيت دفتجفکن اوسيا، دکورنياکن کصيحتن دان کقواتن اوتوق برهو دغن بولن رمضان يغ فنه کيرکن. سموک کيت دبري توفيق دان هداية اوتوق ملقسانکن عبادت فواسا دغن فنه کيخلاصن مغیکوت اداب ترتيب دان سنة يغ داجرکن اوليه رسول الله ﷺ.

کيت موهون كحضرة الله ﷺ، سموک دغن حاضرین رمضان، هاتي کيت کمبالي لمبوت، جيوا کيت کمبالي تنغ دان هيديف کيت کمبالي منوجو رضاء ايه. موده-مودهن کيت بنر-بنر دافت مغحياتي روح سرتا معنى سينر عبادت فواسا، بوکن هان سقدر مناهن لافر دان دهاك، اکن تناي مناهن دبري درفد ملاکوکن فرکارا-فرکارا يغ دمورکاي الله ﷺ. آمين يا رب العالمين.

واهي اورغ-اورغ يغ برلمان! دواجکن کاتس کامو برفواسا سباکيمان دواجکن اتس اورغ-اورغ يغ سيلوم کامو سوقي کامو بر تقوى. {سورة البقره آية: ۱۸۳}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

KURSUS AMALI TINGKATKAN KEFAHAMAN IBADAT HAJI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad



SUASANA Kursus Amali (Praktikal) Ibadat Haji Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha, Kampung Katok.

KATOK, Ahad, 15 Februari. - Bimbingan Haji dan Umrah telah mengadakan Kursus Amali (Praktikal) Ibadat Haji Musim Haji Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Jabatan Urusan Haji (JUH), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian

Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha, Kampung Katok, pagi tadi.

Objektif Kursus Amali (Praktikal) Ibadat Haji adalah bagi memberikan tunjuk cara pemakaian ihram, tawaf, sai, bergunting atau bercukur dan melontar jamrah yang betul bagi jemaah lelaki dan pemakaian telekung bagi jemaah perempuan serta cara-cara mengerjakan ibadah haji seperti tawaf, sai dan melontar jamrah.

Pelaksanaan Kursus Amali (Praktikal) ini merupakan kesinambungan daripada Kursus Ibadat Haji dan Umrah yang sebelum ini telah diadakan di pusat-pusat kursus seluruh negara merangkumi keempat-empat daerah melibatkan sebanyak sembilan sesi keseluruhannya.

Terdahulu, Kursus Amali



(Praktikal) Ibadat Haji dan Umrah telah diadakan pada Jumaat, 13 Februari 2026, khusus bagi bakal jemaah haji dari Daerah Brunei dan Muara.

Pada tahun ini, JUH telah melantik seramai 46 guru pengkursus ibadat haji dan umrah yang terdiri daripada para guru

dan Pegawai Jabatan Pengajian Islam; Pegawai Pusat Da'wah Islamiah; pegawai dan imam Jabatan Hal Ehwal Masjid; pegawai Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan selain pegawai kerajaan yang telah bersara serta mempunyai tauliah daripada Majlis Ugama Islam Brunei.

PPPBD adakan Upacara Menaikkan Bendera NBD

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Kali Ke-42 Tahun, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) petang tadi mengadakan Upacara Menaikkan Bendera berlangsung di ibu pejabat persatuan berkenaan.

Upacara Menaikkan Bendera diketuai oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Noriah binti Haji Dollah.

Upacara tersebut merupakan salah satu dari upacara tahunan

yang melibatkan penyertaan persatuan.

Adapun tujuan upacara itu diadakan bagi menyemarakkan

Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-42 tahun sekali gus meningkatkan semangat patriotik di kalangan ahli-ahli persatuan yang merupakan antara tunjang ke arah menjayakan wawasan negara, Wawasan Brunei 2035.



PERSATUAN Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) mengadakan Upacara Menaikkan Bendera (kanan dan kanan sekali).



Kebajikan mualaf terus diberi perhatian



PENYERAHAN infak berupa makanan asasi melalui Projek Fathul Barakah 7.0 kepada 20 buah keluarga mualaf di Kampung Penabai dan Kampung Bukit Udal, Daerah Tutong.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

TUTONG, Sabtu, 14 Februari. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Mualaf (Kebajikan Mualaf) dengan kerjasama Cawangan Da'wah Daerah Tutong serta Persatuan Saudara - saudara Baharu Daerah Tutong (PESATU) meneruskan lagi penyerahan infak berupa makanan asasi melalui Projek Fathul Barakah 7.0 kepada 20 buah keluarga mualaf di Kampung Penabai dan

Kampung Bukit Udal, Daerah Tutong.

Majlis penyerahan dikendalikan dengan mengunjunginya para mualaf yang terpilih diketuai oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Turut hadir dalam rombongan tersebut ialah Ketua Cawangan Da'wah Daerah Tutong, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir.

Projek Fathul Barakah 7.0 adalah usaha dan inisiatif PDI

dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baharu Negara Brunei Darussalam yang bertujuan memberi peluang kepada orang ramai dalam sama-sama memberikan infak jariah berupa makanan asasi untuk disumbangkan kepada asnaf mualaf yang memerlukan.

la juga untuk meringankan beban para mualaf dalam membuat persiapan bagi menyambut kedatangan bulan Ramadan yang akan tiba agar dapat melaksanakan ibadah puasa dengan selesa dan sempurna.

Waktu operasi pusat-pusat kesihatan semasa Ramadan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Kementerian Kesihatan, melalui Jabatan Perkhidmatan Makmal, ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai waktu perkhidmatan kaunter-kaunter di Bahagian Pengambilan Darah dan Pusat Penerimaan Spesimen serta Perkhidmatan Pendermaan Darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-tabung Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait; Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Tutong; dan Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), Temburong sepanjang bulan Ramadan bagi tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Waktu beroperasi kaunter-kaunter perkhidmatan di bahagian-bahagian di Jabatan Perkhidmatan Makmal adalah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu adalah seperti berikut, iaitu Perkhidmatan Pengambilan Darah dan Pusat Penerimaan Spesimen di Hospital RIPAS dan Hospital PIHM, Temburong, bermula jam 8.00 pagi hingga 1.30 petang.

Manakala, Perkhidmatan Pengambilan Darah dan Pusat Penerimaan Spesimen di Hospital SSB, Kuala Belait; dan Hospital PMMPMHAMB, Tutong, bermula jam 8.00 pagi hingga 1.45 petang.

Sementara, Perkhidmatan Pendermaan Darah di Hospital RIPAS, Hospital SSB, Kuala Belait, Hospital PMMPMHAMB, Tutong dan Hospital PIHM, Temburong, bermula jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang.

Kaunter-kaunter perkhidmatan adalah ditutup pada setiap Jumaat dan Ahad serta Hari-hari Kelepasan Awam.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai mana-mana perkhidmatan di Jabatan Perkhidmatan Makmal, bolehlah menghubungi jabatan menerusi talian +673 2242424 sambungan 6313 atau e-mel laboratory@moh.gov.bn atau bloodbank@moh.gov.bn.

RENCANA KHAS
SAMBUTAN  **قليتا بروني**
PELITA BRUNEI

Subli Platinum

KELUARAN 16 FEBRUARI 2026M | 28 SYAABAN 1447H




قليتا بروني
PELITA BRUNEI



Menerajui Penyebaran Maklumat



1956-2026



70 PELITA BRUNEI : MEMBARIGAKAN MAKLUMAT

BERMULA edisi pertama pada 1957, akhbar ini mula mencipta nama dalam dunia media dengan menyiarkan berita yang berlaku di tanah air. Pertama kali diterbitkan pada 15 Februari 1956, Pelita Brunei mengandungi 19 muka surat sahaja tanpa gambar atau infografik sehinggalah sekarang Pelita Brunei megah bertapak dengan memaparkan berita yang disertai dengan gambar-gambar menarik serta infografik untuk tatapan pembaca.

Pelita Brunei telah memainkan peranannya untuk merapatkan hubungan di antara kerajaan dan rakyat negara ini, terutama sekali dalam membarigakan hasrat negara untuk menuju pembangunan, kemajuan, kejayaan serta kesejahteraan negara. Di samping itu, Pelita Brunei juga menjadi akhbar rasmi yang berpotensi untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kerana isi kandungan yang sahih dan boleh dipercayai.

Tahun ini genap 70 tahun usia Pelita Brunei. Satu perjalanan yang cukup jauh penuh dengan pelbagai cabaran, tetapi tetap berupaya memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi sebuah akhbar berwibawa yang mempunyai komitmen terhadap integriti, inovasi dan ketelusan dalam membarigakan maklumat kepada masyarakat.



PERANAN AKHBAR KEPADA MASYARAKAT

Peranan akhbar penting dalam menyampaikan maklumat kerajaan kepada rakyat. Menerusi tulisan yang dipaparkan dalam akhbar dapat dikatakan bahawa akhbar telah menjadi penyampai mesej pemerintah kepada khalayak dan menjadi medium membarigakan sebarang maklumat. Akhbar juga telah menjadi alat bagi mengukuhkan semangat muhibah dan perpaduan di samping menyuntik nilai-nilai kenegaraan melalui berita dan informasi yang dibawakan. Selain itu, segala usaha kerajaan untuk melakukan pembaharuan menerusi dasar-dasar yang dirancang akan lebih mudah sampai ke sasaran melalui peranan yang dimainkan oleh akhbar.

Akhbar Pelita Brunei merupakan salah satu daripada alat media massa yang penting di negara kita. Walaupun Pelita Brunei diterbitkan dalam bahasa Melayu, namun perannya sama, iaitu untuk membarigakan maklumat kepada orang ramai.

Perubahan besar

Di sepanjang penerbitannya bermula 1956 hingga 2020, Pelita Brunei telah menggunakan tidak kurang dari 19 masthead yang berbeza. Logo Pelita Brunei 'Akhbar Rasmi Kerajaan Brunei' mula digunakan pada 1959 dan pada 1983 diubah menjadi 'Akhbar Rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam'. Pada 1985 penggunaan tulisan Jawi bagi perkataan Pelita Brunei berwarna kuning juga mula dimasukkan dalam nama akhbar Pelita Brunei, di samping tulisan

Rumi perkataan 'Pelita Brunei'.

Ruang iklan juga mengalami pembaharuan yang signifikan apabila Iklan Kod QR mula diperkenalkan dalam keluaran Pelita Brunei 1 Januari 2020. Ini merupakan inisiatif Jabatan Penerangan untuk memperbanyakkan lagi ruang tawaran iklan dalam satu muka surat, tertakluk kepada pendek atau panjang iklan berkenaan. Iklan Kod QR yang dimuatkan dalam Pelita Brunei itu, termasuklah

iklan tawaran dan sebut harga daripada pihak Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sahaja.

Seterusnya inisiatif terbaharu dalam Pelita Brunei ialah memperkenalkan iklan berbayar bermula pada tahun 2020 untuk syarikat-syarikat swasta dan persendirian bagi mendukung dasar kerajaan mempelbagaikan sumber ekonomi negara.



Ubah reka letak

Menyadari kepentingan menarik golongan muda, Pelita Brunei mengubah reka letaknya kepada sesuatu yang lebih segar dan mesra pembaca dengan pengisian mendekati pelbagai peringkat pembaca. Antaranya perubahan *font* yang sebelum ini menggunakan Times dan Goudy ditukarkan menjadi Trajan dan Arial. Manakala tajuk *bold* sebelumnya ditukar menjadi 'All Caps'. Berita / Siaran Akhbar yang mempunyai *table* dijadikan infografik agar ia dapat dibaca dengan lebih mudah. Berita-berita yang memerlukan *box* sebelumnya diwarnakan dengan Turquoise 10 peratus. Manakala kesemua warna tajuk telah diselaraskan dan diubah menjadi warna biru pada 19 Jun 2021. Sepanjang 70 tahun, Pelita Brunei terus mengalami perubahan ketara dalam meningkatkan 'wajah' dengan reka letak yang kreatif dan penuh inovasi.



RAMUAN KEJAYAAN

Satu perkara yang jelas, apa pun perubahan atau pembaharuan yang dilakukan sama ada dalam aspek reka letak, kandungan atau saiz akhbar, Pelita Brunei tetap sama, iaitu mengambil pendekatan yang moderat atau sederhana. Sebab itu, daripada edisi pertama 1957, akhbar ini menjelaskan berita dan laporan yang disiarkan adalah untuk semua golongan rakyat di negara ini dengan memuatkan pelbagai ruang. Dengan menggunakan moto 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'. Sikap moderat Pelita Brunei inilah yang membolehkan akhbar ini terus bertahan di seluruh negara. Kita akui media baharu dan internet telah banyak mengubah cara masyarakat untuk mendapatkan maklumat yang kini tidak saja terbatas menerusi akhbar, malah pelbagai medium lain, termasuk telefon bimbit. Apa yang disiarkan akhbar hari ini juga mungkin bukan lagi berita kerana maklumat itu sudah pun tersebar meluas dalam media sosial. Inilah yang sedang digarap Pelita Brunei dengan mengimbangkan kelebihan media baharu dan akhbar yang sudah tentu masih mempunyai kekuatan dan keunikannya tersendiri.

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

Pelita Brunei terus berkembang dengan kewujudan Pelita Brunei versi Online atau dikenali dengan 'Pelita Brunei Online' sejajar dengan perkembangan pesat dunia ICT. Ia dihasratkan sebagai memperluas jangkauan sehingga kepada pembaca luar negeri dan dunia. Menerbitkan berita untuk dimuat naik setiap hari ke Pelita Online - www.pelitabrunei.gov.bn. Aplikasi mudah alih diperkenalkan untuk memudahkan orang ramai mengetahui berita-berita utama yang dimuatkan dalam laman sesawang Pelita Brunei. Pembaca boleh mendapatkan versi digital secara interaktif melalui e-Paper (Flipping Book). Dalam dunia ICT, X,


Facebook, Instagram, YouTube, Snapchat, Blog bukan lagi merupakan sesuatu yang asing tetapi sudah menjadi sebahagian kehidupan warga dunia. Melalui media baharu ini, penyebaran maklumat lebih cepat daripada media cetak.

Pelita Brunei dapat berbangga dengan teknologi moden iaitu menggunakan sistem GN3 untuk proses penyediaan bahan berita, reka letak dan penyuntingan akhbar rasmi Kerajaan, Pelita Brunei. GN3 kini telah diganti dengan GN4 secara berperingkat. Dalam usaha untuk menambah baik lagi proses penerbitan akhbar Pelita Brunei, Sistem Editorial GN3 yang telah digunakan selama

16 tahun kini dinaik taraf kepada Sistem Editorial GN4 mulai tahun 2024. Sistem baharu ini dijangka akan memberikan beberapa manfaat dalam melancarkan lagi proses penyuntingan bahan-bahan berita di mana ia adalah lebih sesuai dan dapat diakses menggunakan sistem komputer Microsoft Windows. Peralihan kepada Sistem Editorial GN4 ini juga dilengkapi dengan penyediaan laman sesawang Pelita Brunei yang baharu yang dijangka akan meningkatkan lagi *accessibility* dan pembaca orang ramai kepada akhbar Pelita Brunei secara dalam talian dengan reka letak dan penulisan yang lebih kreatif dan pada masa ini telah menunjukkan peningkatan yang amat menggalakkan.

Statistik Pelita Brunei Online (Januari - Disember 2025)

● Jumlah Jan-Dis 2025 ● Purata Bulanan Jan-Dis 2025





“NAMUN dalam keghairahan memanfaatkan teknologi canggih ini, kita juga dikehendaki supaya jangan lalai dari anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab, yang menggunakan teknologi untuk tujuan-tujuan keburukan, termasuk penggunaan media sosial untuk menyebarkan berita-berita palsu dan fitnah. Semua ini boleh mengundang kepada bencana”.



Titah sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara 2017, di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Kebangsaan, pada Isnin, 7 Jamadilakhir 1438 Hijrah / 6 Mac 2017 Masihi.

TABAYYUN DALAM DUNIA MEDIA

تَبَيُّنٌ

Maknanya :
Selidikilah.

Oleh itu, kita perlu bertanggungjawab dalam setiap tindakan yang dibuat dalam membarigakan maklumat untuk orang ramai. Dalam hal ini, Pelita Brunei sebagai akhbar rasmi kerajaan sentiasa mengutamakan berita sahih dan benar dalam setiap penerbitan. Dengan tema 'Menerajui Penyebaran Maklumat', Pelita Brunei tetap teguh dalam industri media

sebagai penyebar maklumat yang boleh dipercayai.

Justeru Pelita Brunei sentiasa mempraktikkan *tabayyun*. *Tabayyun* merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud

menthabatkan dan menyemak asas kebenarannya.

Berita atau sebarang maklumat yang diterima seharusnya diteliti dan dipastikan terlebih dahulu kebenarannya dan

ketepatan informasi bagi mengelakkan sebarang agenda atau perkara yang tidak baik berlaku seperti fitnah, menipu dan memburukkan seseorang yang lain berlandaskan hawa nafsu dan sifat kebencian. Perintah untuk *tabayyun* merupakan perintah yang sangat penting agar kita dapat mengelakkan dari berprasangka.

Adab dalam menerima berita termasuklah menyemak berita tersebut serta bertabayyun mengenainya dengan konsep *tabayyun* di dalam Islam. Berita atau sebarang maklumat yang diterima seharusnya diteliti dan dipastikan dahulu kebenarannya dan ketepatan informasi bagi mengelakkan sebarang agenda atau perkara yang tidak baik berlaku seperti memfitnah, menipu dan memburukkan seseorang yang lain berlandaskan hawa nafsu dan sifat kebencian. Perkara ini menjadi salah satu agenda Al-Quran di mana Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا جَاءَكُمْ بِبُرْهَانٍ فَاذْكُرُوا مَا كُنْتُمْ عَلِيمِينَ

فَتَبَيَّنُوا أَنْ تَصِيبُوا قَوْمًا بَاطِلًا تَرْتَضُونَ أَعْلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ يَوْمَ الْمَدِينَةِ

Maksudnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan". Surah Al-Hujurat, ayat 6.

Oleh itu, fitnah dan berita palsu merupakan satu daripada akibat paling besar jika *tabayyun* tidak dilakukan. Orang fasik mungkin menyebarkan berita yang tidak

benar, berita yang diputar belit atau fitnah, yang bertujuan untuk merosakkan reputasi seseorang atau mencetuskan kekacauan dalam masyarakat.

Bagi pengamal media, pentingnya *tabayyun* dalam dunia media untuk memastikan informasi dan berita yang diterima tepat, benar dan boleh dipercayai.

Pelita Brunei sebagai sebuah akhbar rasmi kerajaan justeru menerima berita atau informasi dari sumber-sumber yang sah dan seterusnya membarigakan

maklumat tersebut kepada orang ramai. Membudayakan masyarakat bermaklumat akan terus mengiringi perjalanan Pelita Brunei pada tahun-tahun mendatang.

Oleh itu, penelitian di dalam menerima sesuatu berita itu mestilah diambil berat bagi memastikan kebenarannya. Ini supaya dapat mengelak daripada berlakunya penyebaran berita palsu dan perbuatan ini akan mendatangkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala serta tergolong dalam golongan yang pendusta. Seperti mana hadis yang diriwayatkan oleh Hafs bin Asim Radiallahuanhu, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

Maksudnya : "Cukuplah bagi seseorang itu digelar pendusta apabila menceritakan semua yang didengarnya (tanpa *tabayyun*)". Riwayat Muslim (5).

IV

BEBERAPA Pemberita Pelita Brunei ketika menjalankan tugas pemberitaan di salah satu acara.



HAJI Ahmad Arshad merupakan anak Brunei pertama yang mengetahui Pelita Brunei pada tahun 1959.



KOMPILASI KENANGAN PERJALANAN

SALAH seorang petugas saat menjalankan tugas menggunakan mesin Linotype sebelum penggunaan PC.



SALAH seorang Penyemak dan Ketua Meja Pelita Brunei semasa memberikan penerangan kepada para pelawat yang mengadakan lawatan ke Bahagian Pelita Brunei.



SALAH seorang pembaca saat mendapatkan akhbar Pelita Brunei yang disediakan di pejak peletakan Pelita Brunei di Jabatan Penerangan.

V

PARA pemberita akhbar Pelita Brunei bersama rakan-rakan pemberita dari agensi lain ketika membuat liputan berita di luar negara.



SALAH seorang petugas ketika sedang membungkus Pelita Brunei untuk didedarkan ke seluruh negara.



SESI prebui penerbitan Pelita Brunei sebelum ia mula dicetak, di mana perjumpaan dilakukan setiap minggu bagi menentukan isi kandungan edisi yang akan diterbitkan.



SESI penyemakan setiap muka surat akhbar Pelita Brunei sebelum ia dicetak.

PARA Pemberita dan Jurugambar Pelita Brunei bersama dengan teman-teman dari institusi berita lain ketika menghadiri mesyuarat dan membuat liputan di dalam dan luar negara.



PARA Pemberita Pelita Brunei semasa menjalankan tugas pemberitaan.



PEMBERITA Pelita Brunei semasa menjalankan tugas membuat liputan berita di luar negara.



PROSES pembuatan filem positif di Jabatan Percetakan Kerajaan.



REKA letak menggunakan komputer dilaksanakan di Jabatan Percetakan Kerajaan ketika itu.



UNIT Pengedaran bersiap sedia untuk mengagih-agihkan Akhbar Pelita Brunei di tempat-tempat yang akan dituju.



KAKITANGAN di Jabatan Percetakan Kerajaan meneliti prof warna Pelita Brunei sebelum dipindah ke plat Percetakan Kerajaan.



PROSES kerja-kerja mencetak Pelita Brunei dimulakan.



PEMBERITA Pelita Brunei semasa membuat liputan berita di luar negara.



PROSES memasang plat pada mesin cetak.

PENYUSUNAN gambar dibuat secara teliti oleh kakitangan Unit Fotografi sebelum diserahkan kepada Bahagian Pelita Brunei.



PARA Pemberita semasa menjalankan tugas mereka di dalam membuat berita dikarang dengan menggunakan komputer sebelum disunting oleh Penyunting Pelita Brunei.



PARA Pemberita semasa menjalankan tugas membuat berita.

VI

"SAYA ditetapkan dalam jawatan di Jabatan Penerangan pada 7 Oktober 1997 sebagai Penolong Penyunting Tingkat III setelah bergaji hari selama setahun sejak Oktober 1996. Sebelumnya saya bertugas di Radio Televisyen Brunei sejak November 1983 sebagai Pelatih Berita hingga ke jawatan terakhir sebagai jawatan Penyunting dan menamatkan perkhidmatan pada bulan Jun 1996.

"Jawatan terakhir saya di Pelita Brunei ialah Penolong Penyunting Tingkat II.

"Saya berada di Pelita Brunei bermula pada tahun 1996 - 2001 saya bertugas di Bahagian Liputan dan dari tahun 2001 hingga 2008 saya ditugaskan untuk mengendalikan Iklan. Pada tahun 2008 saya mula bertugas sebagai editor sebelah malam.

"Setelah itu, saya berpindah ke Unit Penerbitan Melayu pada 15 Oktober 2019, bekerja pada waktu siang yang kemudiannya dicantumkan dengan Penerbitan Inggeris hingga bersara pada 26 Januari 2024.

"Pengalaman paling berharga sepanjang bertugas di Pelita Brunei ialah membuat liputan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

"Antara liputan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang saya laksanakan ialah Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur pada tahun 1997; Keberangkatan ke Sabah, Malaysia pada September 2001; Keberangkatan ke Thailand 2002, keberangkatan ke Kuching, Sarawak Disember 2003. Selain itu, saya juga membuat liputan sempena Majlis Bersama Penuntut-penuntut, Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di New Zealand.

"Liputan keberangkatan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang saya laksanakan ialah keberangkatan ke Singapura pada Mei 2006.

"Keberangkatan DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah antaranya ke Mesyuarat ASEAN Europe Ke-7 di Kyoto, Jepun pada Mei 2005, keberangkatan ke Kemboja pada Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN pada Mac 2007.

"Selain itu, saya juga membuat liputan sempena AMED II di Sharm El Sheikh di Mesir pada April 2008, 7th Ministerial Conference di Geneva Switzerland pada November - Disember 2009; Mesyuarat ASEM di Bali, Indonesia dan keberangkatan ke Algeria pada Mei 2014.

"Pada pandangan saya, perkembangan Pelita Brunei terserlah setelah bermulanya Pelita Brunei Online secara harian pada pertengahan tahun 2008. Semua berita cepat disalurkan secara dalam talian dan boleh di akses di dalam dan luar negara tanpa menunggu edisi cetak".



Hajah Siti Muslihat binti Haji Salleh



"SAYA mula berkhidmat di Pelita Brunei pada tahun 1988, sebelumnya saya bertugas di Jabatan Percetakan Kerajaan sebagai Pengendali Mesin Taip Gambar (Computer Operator) dan terlibat dalam penerbitan Pelita Brunei juga. Saya mula bertugas di Jabatan Penerangan sekitar tahun 1988 dengan jawatan sebagai Penyemak.

"Saya ditempatkan di Bahagian Penerbitan Melayu dan Inggeris selang beberapa tahun selepas itu saya ditempatkan di Bahagian Latihan dan IT, di sinilah bermulanya penglibatan saya dalam Pelita Brunei Online. Pada awalnya penerbitan Online disiarkan dengan kerjasama Jabatan Penerangan dan Jabatan Telekom, melalui rangkaian Brunet. Pelita Brunei Online dihasratkan untuk memberi maklumat kerajaan secara meluas di alam maya khusus untuk rakyat Brunei terutamanya penuntut yang berada di luar negara.

"Setelah beberapa tahun disiarkan melalui rangkaian *Brunet.bn*, saya diberikan kepercayaan oleh Pengarah Penerangan pada masa itu untuk mereka bentuk laman sesawang Pelita Brunei dan disiarkan melalui rangkaian *gov.bn*. Pada masa yang sama juga saya diberi kepercayaan untuk melatih pegawai dan kaki tangan jabatan mengenai asas penggunaan komputer.

"Di samping tugas-tugas yang diamanahkan, saya juga diberikan tugas untuk memantau salah satu laman sesawang dalam rangkaian *gov.bn*.

"Cabaran yang dihadapi semasa mereka cipta laman sesawang Pelita Brunei ialah pada waktu itu saya menggunakan perisian HTML Code (*programming*) yang mana bagi saya ia mencabar juga kerana perisian ini agak *complicated* sedikit. Dibandingkan dengan pada masa sekarang ini pelbagai jenis perisian *programming* yang ada dan mudah untuk digunakan dan lebih *user friendly*.

"Sepanjang saya masih bertugas, Pelita Brunei mengalami tiga kali perubahan. Perubahan pertama seperti yang saya ceritakan tadi manakala perubahan kali kedua saya diamanahkan untuk mereka cipta laman sesawang Pelita Brunei Online yang baharu, memandangkan yang ada ketika itu adalah secara statik. Perubahan kali kedua ini saya menggunakan gabungan *Programming HTML* dan *Pascal* (salah satu *programming* yang popular pada masa itu).

"Perubahan kali ketiga adalah saya bekerjasama dengan salah satu konsultant yang diberikan tugas untuk mereka cipta laman sesawang Pelita Brunei Online untuk menarik lebih ramai pengunjung".

Hajah Norliha binti Haji Salleh



Abdullah bin Asgar

"SAYA mula bekerja dengan Perkhidmatan Awam pada hujung tahun 1988 di Radio Televisyen Brunei (RTB) sebagai Pelatih Berita. Sepanjang di sana ada beberapa kali saya menjalani kursus dalam negara antaranya penulisan berita yang dikendalikan oleh Asia Broadcast Cooperation. Antara kenangan yang tidak dapat dilupakan ialah membuat liputan sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta pada Oktober 1992.

"Setelah itu, saya berpindah ke Jabatan Penerangan pada Mac 1993 menajwat jawatan sebagai Pemberita. Antara yang program yang saya pernah terlibat dihantar ke luar negeri ialah mengikuti Pertukaran Wartawan ASEAN. Selain saya, ada dua orang rakan setugas dari Jabatan Penerangan turut terlibat sama dalam program tersebut.

"Di Jabatan Penerangan, saya turut membuat liputan dalam dan luar negara. Saya terlibat dalam membuat liputan ketika Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN. Kemudian pada tahun 2017, saya terlibat membuat liputan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta. Inilah antara tugas membuat liputan yang tidak dapat dilupakan.

"Antara liputan di luar negara pula ialah Mesyuarat APEC di Chile Santiago, UNGA dan Sidang Kemuncak ASEAN. Saya juga pernah membuat liputan sukan seperti SEA Games di Indonesia, Kemboja, Viet Nam dan Laos. Saya juga pernah membuat liputan sempena Sukan Asia di Korea Selatan.

"Pandangan mengenai Pelita Brunei. Sejak saya bertugas di Pelita Brunei, ia turut bersaing dengan akhbar yang lain seperti Borneo Buletin, Media Permata, News Express, Brunei Times. Ketika ini ada sedikit perubahan iaitu adanya ruangan Berita Global dan Pelita Brunei edisi Online harian. Sebelum harian, berita secara dalam talian memang sudah ada namun belum dibuat secara harian. Semasa saya bertugas, Pelita Brunei pernah diterbitkan seminggu sekali (setiap Rabu), dua kali seminggu (Rabu dan Sabtu) dan kemudian tiga kali seminggu (setiap Isnin, Rabu dan Sabtu). Turut mencabar akhbar ketika ini ialah perkembangan Media Sosial, seperti Facebook, TikTok, Instagram dan beberapa media sosial yang lain. Oleh itu, Pelita Brunei perlu seiring dan jangan tertinggal jauh dari media-media sosial ini.

"Pemakaian terasul dalam Pelita Brunei memang diutamakan. Jika dibandingkan dengan akhbar lain baik dalam mahupun luar negara, tiada yang dapat menandingi Pelita Brunei mengenai terasul, yang mana ia tidak cuai dalam penggunaan gelaran yang betul".



Haji Jaafar bin Haji Ibrahim

"SAYA mula berkhidmat dan bertugas di Bahagian Pelita Brunei, Jabatan Penerangan pada 15 Februari 1979 sebagai Pemberita. Saya juga pernah ditempatkan di Unit Produksi, Bahagian Pelita Brunei (bertugas di pejabat yang berada di Jabatan Percetakan Kerajaan) bermula tahun 1990 hingga 1997 dengan Jawatan Pembantu Akhbar. Manakala jawatan terakhir yang disandang semasa berkhidmat di Bahagian Pelita Brunei sebagai Pegawai Penerangan pada tahun 2005 dan mengetuai Bahagian Pelita Brunei dari 2005 hingga 2011.

Antara pengalaman paling berharga ketika bertugas di Pelita Brunei ialah membuat laporan harian Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 1981 (dipinjamkan ke Jabatan Radio Televisyen Brunei, RTB) selama 10 hari bagi membuat Laporan Harian untuk disiarkan setiap hari melalui RTB.

Selain itu, pengalaman membuat liputan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke luar negara antaranya Sidang Kemuncak ASEAN; Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC; Sidang Kemuncak Negara Negara Islam (OIC); Sidang Kemuncak Asia - Eropah (ASEM). Selain itu, saya juga pernah membuat liputan sempena Keberangkatan Lawatan Negara ke negara-negara sahabat.

Selain membuat liputan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, saya juga pernah membuat liputan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, yang ketika itu sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ke luar negara dan membuat liputan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC).

Alhamdulillah Pelita Brunei yang sudah mencapai umur 70 tahun pada 15 Februari 2026 (1956 - 2026) telah maju dan berkembang pesat dengan mencapai serta menempa kejayaan yang penuh gemilang dan cemerlang.

Bermotokan 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat', Pelita Brunei terus ligat dan berpacu dalam menyebarkan berita-berita yang sahih dan terkini mengenai hal ehwal negara dan kerajaan, maklumat-maklumat yang penting mengenai perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Pendek kata, dalam usia 70 tahun itu, Pelita Brunei dapat menyaingi ledakan teknologi maklumat yang cukup canggih dan dapat bersaing dengan media-media sosial dan lain-lain platform media setiap hari apa lagi dengan perkembangan terkini Kecerdasan Buatan (AI).

Apa yang penting, agar seluruh warga Pelita Brunei perlu terus peka dan sensitif terhadap keadaan semasa dan bertindak penuh bijaksana dalam mengimbangi apa jua ledakan teknologi maklumat serta terus menangkis dan membetulkan segala apa jua berita-berita luar dan kurang tepat yang boleh menimbulkan kekeliruan dan syak wasangka dalam kalangan rakyat dan penduduk serta orang ramai mengenai hal ehwal bernegara dan berkerajaan. Semoga Pelita Brunei terus menempa sejarah yang lebih gemilang pada tahun-tahun yang mendatang. *Amin Ya Rabbal Alamin*".

'Selamat Menyambut Ulang Tahun Ke-70 (Jubli Platinum) Pelita Brunei'.



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

RENCANA KHAS SAMBUTAN 70 قليت أبرونى PELITA BRUNEI Jubli Platinum 70

VII

"**ALHAMDULILLAH**, dengan penuh rasa syukur saya sebagai Penolong Penyunting Tingkat I merangkap Ketua Meja B merakamkan setinggi-tinggi penghargaan sempena Ulang Tahun Ke-70 penerbitan ini. Selama tujuh dekad, Pelita Brunei telah menjadi medan penyampaian maklumat yang sahih, berkualiti dan berintegriti, serta terus komited dalam mendukung dasar dan perkembangan negara.

"Kejayaan ini adalah hasil usaha bersama warga kerja yang berdedikasi -pemberita, jurugambar, pereka dan semua yang terlibat dalam memastikan setiap keluaran diterbitkan dengan cermat dan bertanggungjawab. Dalam dunia media yang semakin mencabar, kami akan terus memperkukuh mutu penyuntingan serta menyesuaikan diri dengan keperluan era digital tanpa mengabaikan nilai-nilai kewartawanan yang kami junjung.

"Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada seluruh warga Pelita Brunei atas dedikasi yang tidak pernah pudar selama ini. Semoga Pelita Brunei terus maju, relevan dan menjadi sumber rujukan yang dipercayai oleh masyarakat.

"Saya berharap Pelita Brunei akan terus berkembang selaras dengan perubahan semasa, terutama dalam memperkukuh penyampaian maklumat melalui platform digital tanpa mengabaikan kualiti dan ketelitian fakta. Seiring perubahan landskap media, adalah dihasratkan agar usaha pendigitalan Pelita Brunei dipertingkatkan melalui penyampaian kandungan yang lebih berstruktur, berfakta dan mudah diakses oleh masyarakat pelbagai lapisan.

"Harapan saya agar Pelita Brunei terus menjadi institusi media yang berwibawa, memelihara bahasa Melayu dengan mantap, dan menjadi rujukan utama yang dihormati di dalam dan luar negara.

"Kenangan yang paling berharga sepanjang tempoh saya berkhidmat di Pelita Brunei adalah penglibatan dalam membuat liputan bagi acara-acara kebesaran di Negara Brunei Darussalam, merangkumi Sambutan Hari Kebangsaan hinggalah ke Majlis Perkahwinan Diraja. Penglibatan dalam setiap acara tersebut bukan sahaja memberikan pengalaman yang amat berharga, bahkan turut memperkukuh kemahiran profesional saya sebagai warga media.

"Setiap liputan menghadirkan suasana, cabaran serta tanggungjawab yang berbeza, sekali gus membuka ruang untuk saya memahami dengan lebih mendalam adat istiadat, protokol serta nilai-nilai kebudayaan negara. Pengalaman ini telah menjadi aset penting yang memperkaya perjalanan kerjaya saya dan terus menjadi sumber motivasi dalam memberikan mutu kerja yang terbaik bagi Pelita Brunei. Pengalaman ini bukan sahaja memperkukuh dedikasi dan tanggungjawab saya sebagai penyunting, tetapi juga menimbulkan rasa bangga kerana dapat menyumbang kepada penerbitan yang menjadi rujukan rasmi rakyat dan kerajaan".



**Nur Amalia Alisha binti Daud@Ermalia anak Daud,
Penolong Penyunting Tingkat I**

"**ALHAMDULILLAH**, bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga, saya diberi kesempatan untuk merayakan Sambutan Jubli Platinum Pelita Brunei Ke-70 Tahun. Setelah berkhidmat di Jabatan Penerangan selama 12 tahun, banyak ilmu yang dipelajari dan pengalaman yang diperolehi semasa bertugas di jabatan ini. Antaranya, penggunaan Sistem GN4 yang membantu mempercepat dan mempermudah proses penerbitan akhbar rasmi Pelita Brunei. Selain itu, penggunaan Dewan Eja Pro 10 turut banyak membantu dalam penulisan bahasa Melayu yang betul dari segi ejaan dan tatabahasa.

"Sepanjang berkhidmat di jabatan ini, kenangan yang berharga ialah bertugas semasa pandemik COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang mana para pegawai dan kakitangan dikehendaki bertugas secara Work From Home pada fasa awal pandemik bagi mengelakkan penularan wabak tersebut.

"Harapan saya pada masa hadapan adalah ingin memperbaiki mutu kerja yang ditugaskan dan melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab.

"Sempena Sambutan Jubli Platinum Pelita Brunei Ke-70 Tahun ini, saya berharap Pelita Brunei akan terus berkembang serta mengambil peluang dan memanfaatkan teknologi untuk kekal relevan dengan perubahan pesat bukan sahaja dalam industri media tetapi dalam kalangan pembaca. Selamat Menyambut Jubli Platinum Pelita Brunei".



**Abdul Hadi bin Haji Suhaili,
Penolong Pegawai Penyemak Tingkat I**



"**ALHAMDULILLAH** pertama sekali saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pelita Brunei yang mencecah usia 70 tahun dan pastinya seluruh masyarakat Brunei telah mengenali akhbar rasmi kerajaan ini. Pelita Brunei telah sekian lama berperanan sebagai suara rasmi dan wadah penyebaran maklumat kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Saya amat bersyukur kerana diberikan peluang bertugas di Bahagian Pelita Brunei, Jabatan Penerangan yang memberikan saya peluang untuk belajar dari awal proses kewartawanan, penerbitan berita dan rencana khas sehingga produksi iaitu proses penyuntingan, penyemakan dan proses terbitan sesebuah maklumat.

70 tahun penyebaran maklumat rasmi kerajaan bukanlah suatu perkara yang mudah. Setiap bahan hendaklah ditulis dan diteliti dengan lebih peka agar maklumat yang disampaikan adalah sahih dan benar.

Harapan saya agar Pelita Brunei akan terus berkembang maju dari segi penulisan, penerbitan dan mengikut keadaan semasa, lebih interaktif agar dapat menjadi sebuah akhbar rasmi kerajaan yang berkualiti. Saya harap Pelita Brunei akan terus menjadi jambatan yang menghubungkan kerajaan dan rakyat selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.



**Muhammad Aiman bin Hamzah,
Pembantu Akhbar**

"**MENELUSURI** lebih separuh abad bukan mudah untuk Pelita Brunei kekal relevan bertapak dalam industri penerbitan akhbar terutama sekali bersaing pembikinan laporan berita yang berkualiti selain menyalurkan maklumat terkini dan informatif agar mesej itu sampai kepada pembaca.

"Justeru, Pelita Brunei sudah menempuh arus ledakan perubahan seiring perkembangan teknologi ICT dalam pelbagai aspek yang begitu ketara hasil percambahan minda, idea dan tim produksi yang segar untuk memberikan satu mutu kerja yang unggul pada setiap keluaran.

"Menjeksi sebagai warga Pelita Brunei satu momen yang begitu berharga dengan pengalaman hampir 20 tahun merupakan satu perjalanan yang 'masih belajar' dan tidak cepat puas untuk memberikan yang terbaik.

"Syabas Pelita Brunei usia 70 itu cukup matang untuk melebarkan sayap dan legasi ke seantero dunia dan *my big thank you to the team of Pelita Brunei* dan sesiapa sahaja yang pernah dan sedang berkhidmat atas segala usaha dan pengorbanan *abiskita* dan kepada yang telah tiada dihadihkan pahala bacaan Surah Al-Fatihah sebagai tanda terima kasih kepada mereka".



**Wan Mohammad Sahran bin Wan Ahmadi,
Penolong Penyunting Tingkat III**



**Abu Bakar bin Haji Abd. Rahman,
Penolong Penyunting Tingkat II**



**Hajah Apsah binti Haji Shadan / Shadan,
Penterjemah Kanan**

"**ALHAMDULILLAH**, tahniah diucapkan kepada Pelita Brunei yang telah 70 tahun kekal relevan sebagai wahana penyebar maklumat kepada masyarakat.

"Pastinya kehadiran generasi baharu dengan pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif akan membawa lebih banyak kemajuan kepada perkhidmatan Pelita Brunei, dengan suasana kerja yang menyokong idea dan produk baharu yang lebih maju seiring usia Pelita Brunei.

"Sepanjang dua dekad berkhidmat di Jabatan Penerangan, pelbagai kenangan pahit dan manis serta pengalaman ditempuhi dalam melaksanakan tugas. Antaranya termasuk penglibatan dalam acara-acara kebangsaan serta program kenegaraan dan kemasyarakatan jabatan. Pengalaman paling menarik ialah penyertaan program ke kawasan pedalaman yang melibatkan perjalanan jauh, di samping memberi peluang untuk mengenali keindahan negara sendiri. Tidak ketinggalan, pengalaman bertugas semasa ASEAN Summit Ke-23, 2013 di Negara Brunei Darussalam turut menjadi antara pengalaman yang amat berharga dan tidak dapat dilupakan".

"**ALHAMDULILLAH**, saya merafatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Ilahi kerana masih diberi peluang untuk berkhidmat bersama Pelita Brunei sempena Ulang Tahun Ke-70 penerbitan akhbar yang kita kasihi ini. Semoga Pelita Brunei terus melangkah maju seiring dengan perkembangan teknologi dan arus semasa, serta kekal relevan sebagai suara rasmi negara yang dipercayai rakyat.

"Saya turut berharap agar Pelita Brunei dapat terus memperkasa kandungan digital, memperluaskan capaian pembaca serta mengekalkan mutu kewartawanan yang berintegriti tinggi pada masa akan datang.

"Antara kenangan paling berharga sepanjang saya berkhidmat ialah kesempatan menabur bakti dalam pelbagai projek jabatan serta menggalas amanah dalam acara-acara istiadat negara, meskipun bekerja dalam syif petang hingga ke malam. Pengalaman tersebut amat saya hormati dan menjadi pendorong untuk terus memberikan yang terbaik".



**Syahi bin Haji Ludin,
Pereka Tingkat III**



**Hajah Siti Zuraihah binti Awang Sulaiman,
Pemberita**

"**SEMPENA** Ulang Tahun Pelita Brunei Ke-70, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menjadi sebahagian daripada perjalanan ini, termasuk para wartawan, jurugambar, editor, juruteknik foto serta pembaca yang sentiasa memberikan sokongan. Pelita Brunei bukan sekadar sebuah akhbar, malah berperanan sebagai medium informasi, khazanah sejarah dan sumber rujukan negara.

"Sebagai juruteknik foto, tugas saya adalah mendapatkan bahan visual serta menyunting gambar bagi memastikan setiap naskah lebih bermakna, tepat dan berkualiti. Harapan saya agar Pelita Brunei terus melangkah ke arah pendigitalan dengan penyampaian lebih kreatif, visual yang mantap serta lebih dekat dengan generasi muda, tanpa mengabaikan identiti dan etika kewartawanan.

"Kenangan terindah sepanjang berkhidmat ialah kesempatan bekerja bersama pasukan yang berdedikasi serta melihat hasil kerja memberi impak positif kepada masyarakat. Ia adalah pengalaman yang amat bernilai".

**Normasyirah binti Nordin,
Juruteknik Foto Tingkat I**

"**ALHAMDULILLAH**, sepanjang hampir 18 tahun berkhidmat dengan Jabatan Penerangan khususnya di bahagian Pelita Brunei, pelbagai perkembangan dan perubahan telah dilalui oleh Pelita Brunei dalam usaha menjadi akhbar rasmi kerajaan yang terus maju serta berperanan sebagai wadah informasi rujukan masyarakat seiring dengan perkembangan zaman.

"Sebagai salah seorang Pemberita Pelita Brunei, antara kenangan paling berharga sepanjang bertugas ialah semasa turun membuat liputan secara langsung sama ada acara di dalam mahupun luar negara. Antaranya termasuk membuat liputan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Istiadat Perkahwinan Diraja serta Sidang Kemuncak ASEAN yang dihoskan di negara ini beberapa tahun lalu.

"Walaupun terpaksa *membubut* masa menyiapkan bahan berita, namun setiap tugas adalah amanah kami untuk menyampaikan berita yang tepat dan sahih kepada masyarakat. Sempena Ulang Tahun Pelita Brunei yang Ke-70, saya berharap Pelita Brunei akan terus menjadi sumber berita yang dipercayai, serta sentiasa relevan dalam dunia media yang semakin digital. Semoga terus bersinar sebagai 'Pelita' yang menerangi minda rakyat dan menabur bakti kepada negara".



IMBASAN MINGGUAN



SEMANGAT patriotik jelas terpancar pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera bagi Sekolah-sekolah di Daerah Tutong sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

SEMANGAT patriotisme hendaklah disemai di hati setiap kalangan pelajar supaya menjadi belia yang berwawasan demi kemajuan dan keamanan negara. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



STUDY@IBTE yang dianjurkan setiap tahun merupakan salah satu inisiatif IBTE bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar serta orang ramai mengenai peluang pendidikan teknikal dan vokasional yang ditawarkan oleh IBTE. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

ANTARA persembahan pada Majlis Pelancaran Hari Kerjaya Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM) Tahun 2026 bertempat di dewan sekolah berkenaan. - Foto : Nurdiyana Rajami.



AKSI semasa Pertandingan Tarik Kalat Westpark Food Corner yang berlangsung di Kawasan padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

PELAJAR-pelajar yang turut sama hadir pada Majlis Perasmian Sudut Bacaan Dewan Bahasa dan Pustaka di Pusat Belia di ibu negara demi memupuk minat membaca dan cintakan buku dalam kalangan orang awam. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

35 PELAJAR CEMERLANG TERIMA ANUGERAH, SIJIL AKADEMIK



■ Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

BERAKAS, Sabtu, 14 Februari. - Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 5A Sekolah Rendah YSHHB, Tahun 2025 bertempat di dewan sekolah berkenaan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan sesi penyampaian anugerah dan sijil akademik pelajar cemerlang PSR Sekolah Rendah YSHHB kepada 35 orang pelajar itu ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diikuti dengan bacaan Surah Al-Alaq, ayat 1 hingga 5 yang dibacakan oleh Dayang Nur Majeedaah Bazirah binti Osman manakala penterjemahan inti sari ayat dibacakan oleh Dayang Nurizzah As-Shafwah binti Haji

Awang Muhd. Zulizzi.

Sehubungan itu, Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat dalam ucapannya antara lain menjelaskan, pelajar-pelajar yang menerima anugerah pada majlis tersebut kini sudah berada di peringkat sekolah menengah yang setentunya mempunyai landskap pembelajaran yang lebih luas dan kompetitif.

"Kecemerlangan sebenar bukan hanya terletak pada angka atau gred pada slip keputusan, tetapi pada konsistensi setiap pelajar mengekalkan momentum kecemerlangan tersebut," ujarnya.

Oleh itu tegasnya, begitu penting setiap pelajar itu memiliki lima aspirasi pembelajaran iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, etika kerohanian dan pembinaan jati diri yang kukuh dengan berpaksikan kepada falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja.

Dayang Hajah Hafizah turut



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan sesi penyampaian anugerah dan sijil akademik pelajar cemerlang PSR Sekolah Rendah YSHHB kepada 35 orang pelajar (atas dan atas kiri).

menaruh harapan agar dengan adanya pengiktirafan dan penghargaan yang diraikan pada majlis tersebut, ia mampu memberi dorongan dan juga galakan kepada pelajar-pelajar bersama guru-guru mereka demi meraih kecemerlangan di masa hadapan.

Beliau juga menyatakan bahawa majlis turut diadakan khusus untuk meraikan para ibu bapa yang sentiasa meletakkan kecemerlangan dan kejayaan anak-anak sebagai agenda pertama dalam kehidupan mereka.

"Sekalung tahniah untuk semua guru Tahun 6 pada sesi 2025 yang turut diraikan pada pagi ini kerana tidak pernah jemu melaksanakan inisiatif tambahan sama ada pada waktu atau di luar waktu kurikulum dan hari persekolahan demi untuk memastikan pelajar mendapat ilmu

yang terbaik. Kerja keras dan usaha cikgu-cikgu setentunya sentiasa dihargai dan semoga cikgu terus diberkati dalam menjalankan tugas mulia ini.

"Peribahasa ada menyatakan bahawa 'yang bulat takkan datang bergolek, yang pipih takkan datang melayang', justeru, sesungguhnya kejayaan anugerah yang dicipta ini merupakan hasil gabungan sokongan sistem kepimpinan, komitmen guru, kegigihan pelajar dan keprihatinan ibu bapa. Muafakat membawa berkat," tambahnya.

Di akhir ucapan, Pengetua Sekolah Rendah YSHHB menjelaskan, anugerah yang dicapai pada pagi itu adalah sebenarnya sebuah tanggungjawab yang besar dan dalam tempoh sembilan tahun yang akan datang, para pelajar

yang diraikan itu merupakan generasi berkualiti yang bakal menjadi aset kepada kemajuan negara. Kejayaan ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada usaha bersama untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035, generasi yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Seterusnya, majlis juga menyaksikan ucapan daripada wakil pelajar, Awang Abdul Haiyi Fayyadh bin Haji Mohammad Faisal.

Majlis turut diselenggarakan dengan sesi penyampaian penghargaan kepada 11 orang tenaga pengajar PSR Sekolah Rendah YSHHB bagi sesi tahun 2025 yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Persembahan daripada pelajar-pelajar Tahun 6, 2026 juga antara pengisian yang menjadi penyeri majlis tersebut.

Memperkenalkan literasi AI dalam kalangan pelajar



■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Sebagai sebahagian daripada inisiatif 'AI Ready ASEAN', Big BWN Project menjalankan Program STEAM Outreach Program di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS).

Program tersebut memperkenalkan 81 pelajar Tahun 10 kepada dunia Kecerdasan Buatan (AI) serta

memberi inspirasi kepada mereka untuk meneroka masa depan teknologi dalam dunia moden.

Acara bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Mohd. Ameer Zakwan bin Mohd. Azril, diikuti dengan pengenalan mengenai AI oleh Dayang Nur Huzaimatul Fitri binti Abdul Alimi.

Objektif utama program ini

BIG BWN Project menjalankan Program STEAM Outreach Program di Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (kiri, kanan dan bawah kanan).

adalah untuk memperkenalkan literasi AI dalam kalangan pelajar SM RIPAS dan untuk memperkasa setiap pelajar agar berkembang maju dalam dunia yang didorong oleh AI.

Pelajar berpeluang untuk meneroka 'Music Lab' di mana mereka terlibat dalam pembelajaran secara praktikal untuk memahami cara AI berfungsi. Inisiatif penyebaran ini mencerminkan komitmen berterusan Big BWN Project untuk memupuk kompetensi digital dan inovasi dalam kalangan belia Negara Brunei Darussalam, bagi memastikan pelajar bersedia sepenuhnya untuk menyertai secara bermakna dalam landskap teknologi rantau ini yang berkembang pesat.

Sebelum menamatkan program, Timbalan Pengetua SM RIPAS, Dayang Masdiwati binti Shahbudin, menyerahkan sijil penghargaan kepada Ahli-ahli Projek Big BWN.



JPMC CSR DONATION DRIVE BANTU PESAKIT KURANG BERNASIB BAIK



SUMBANGAN berkenaan dijayakan melalui sumbangan daripada kakitangan JPMC di seluruh jabatan, termasuk sumbangan barangan keperluan asasi dan juga sumbangan wang tunai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Menjelang bulan suci Ramadan yang akan tiba, Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre-JPMC) baru-baru ini melaksanakan JPMC CSR Donation Drive 2026, dengan memberikan sokongan kepada pesakit yang kurang bernasib baik sebagai sebahagian daripada komitmen berterusannya terhadap penjagaan pesakit dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Inisiatif yang diselenggarakan oleh Unit Perhubungan Awam JPMC berkenaan bertujuan untuk membantu pesakit membuat persediaan bagi menghadapi bulan puasa melalui penyediaan

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

barangan keperluan asas serta bantuan sokongan untuk meringankan keperluan harian sepanjang tempoh berkenaan.

Sebelum pengagihan dilaksanakan, acara dimulai dengan bacaan Doa Selamat.

Sumbangan berkenaan dijayakan melalui sumbangan daripada kakitangan JPMC di seluruh jabatan, termasuk sumbangan barangan keperluan asasi dan juga sumbangan wang tunai.

Ahli Pasukan Pengurusan Kanan (Senior Management Team-SMT) mengetuai setiap kumpulan pengagihan dan turut mengambil bahagian dalam jangkauan bersama kakitangan,

dengan pengagihan dijalankan di keempat-empat daerah.

Dalam fasa inisiatif berkenaan, seramai 24 pesakit strok dan kanser di bawah program Pekerja Sosial Perubatan JPMC telah menerima sumbangan berupa barangan keperluan asas dan sokongan bantuan kewangan.

Program sumbangan berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha tanggungjawab sosial korporat JPMC yang lebih menyeluruh, mencerminkan pendekatannya untuk menyokong pesakit bukan sahaja dalam persekitaran hospital, tetapi juga dalam komuniti yang lebih luas sepanjang tahun.

Menggalakkan penglibatan belia dalam mempromosi integriti, nilai



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Biro Mencegah Rasuah (BMR) hari ini telah mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah di Ibu Pejabat BMR, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, bagi meraikan kejayaan para pemenang dua Peraduan Anti-Rasuah yang dianjurkan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan dalam mempromosi integriti serta memperkukuh kesedaran pencegahan rasuah dalam kalangan orang ramai, khususnya golongan belia.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Pemangku Pengarah BMR, Awang Syed Azmal bin Syed Ali, yang juga menyampaikan ucapan pembukaan dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi kedua-dua peraduan berkenaan.

Peraduan yang dianjurkan, iaitu Peraduan Menulis Artikel dan Peraduan Video Pendek Anti-Rasuah, merupakan sebahagian daripada inisiatif anti-rasuah biro yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan aktif golongan belia dalam mempromosi integriti serta nilai-nilai murni dalam masyarakat.

Kedua-dua pertandingan telah dilancarkan secara rasmi pada 9 Disember 2025 bersempena Hari Anti-Rasuah Antarabangsa 2025 dengan tema 'Uniting with Youth Against Corruption : Shaping Tomorrow's Integrity' (Bersatu Bersama Belia Membanteras Rasuah : Membentuk Integriti Hari Esok).

Kedua-dua pertandingan telah menerima sambutan yang amat

menggalakkan daripada orang ramai, sekali gus mencerminkan minat serta tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan pelajar dan belia terhadap usaha pencegahan rasuah serta kepentingan mengamalkan integriti dalam kehidupan seharian.

Peraduan Menulis Artikel yang bertemakan 'Peranan Belia Dalam Membanteras Rasuah' telah ditutup pada 10 Januari 2026. Pertandingan berkenaan bertujuan untuk menyediakan platform kepada golongan belia untuk menyuarakan pandangan dan idea mengenai peranan penting belia dalam membanteras rasuah serta memupuk budaya integriti.

Tempat pertama bagi Peraduan Menulis Artikel disandang oleh Dayang Nur Aina' Syahzani binti Abd. Khalid dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND300, sementara tempat kedua dimenangi oleh Dayang Siti Amal Nuirsyahrah binti Jamaluddin dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND200, manakala tempat ketiga dimenangi bersama masing-masing milik Dr. Muhammad Akmal bin Awang Tarif, Dayang Nur Liana binti Hambali, dan Awangku Muhammad Nur Safiuddin bin Pengiran Haji Harun, dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND100.

Bagi Peraduan Video Pendek Anti-Rasuah pula telah ditutup pada 31 Januari 2026 dan dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Kategori Sekolah Rendah, Kategori Sekolah Menengah dan Kategori Belia.

Pertandingan berkenaan bertujuan menggalakkan kreativiti para peserta dalam menyampaikan mesej anti-rasuah melalui

penyampaian visual.

Pemenang bagi Kategori Sekolah Rendah, dengan tema 'Nilai-nilai Murni, Budaya Kita' adalah seperti berikut, iaitu tempat pertama disandang oleh Kumpulan dari Sekolah Rendah Tumpuan Telisai dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500 bagi video bertajuk 'Nilai-nilai Murni Di Sekolah', manakala tempat kedua pula dimenang oleh Kumpulan 'MIB Junior' dari Ma'had Islam Brunei dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,200 bagi video bertajuk 'MIB Junior'.

Sementara, tempat ketiga milik Kumpulan 'Srikandi Cilik' dari Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000 bagi video bertajuk 'Bukan Cara Mudah', manakala hadiah sagu hati diberikan kepada Kumpulan 'Misi Kejujuran SRR3' dari Sekolah Rendah Rimba III dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND700 bagi video bertajuk 'Nilai Sebuah Kejujuran'.

Bagi pemenang Kategori Sekolah Menengah juga dengan tema 'Nilai-nilai Murni, Budaya Kita', tempat pertama dimenang oleh Kumpulan 'Spring Pictures' dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500 bagi video bertajuk 'Amanah', manakala tempat kedua disandang oleh Kumpulan 'TG' dari Sekolah Menengah Rimba dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,200 bagi video bertajuk 'Anti Rasuah', sementara tempat ketiga milik Awang Muhammad Zaidan Alimi bin



BIRO Mencegah Rasuah (BMR) mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah di Ibu Pejabat BMR, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, bagi meraikan kejayaan para pemenang dua Peraduan Anti-Rasuah (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Mencegah Rasuah

Ahmad Ilmi dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000 bagi video bertajuk 'Aiman Pilih Integriti'. Bagi hadiah sagu hati pula milik Kumpulan dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND700.

Pemenang bagi Kategori Belia, dengan tema 'Integriti Bermula Dengan Saya', tempat pertama disandang oleh Kumpulan 'Double XLSpring Pictures' dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500 bagi video bertajuk 'Integriti Bermula Dengan Saya', manakala tempat kedua dimenang oleh Awang Muhammad Amirul 'Adli bin Haji Samsudin dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,200 bagi video bertajuk 'Integriti Bermula Dengan Saya', sementara tempat

ketiga milik Lo Yee Mei dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000 bagi video bertajuk 'Integrity Starts With Me!'. Hadiah sagu hati pula milik Awang Muhammad Nur Arif @ Arif bin Hamzah dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND700 bagi video bertajuk 'Habits Start From Within'.

BMR merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta, panel hakim serta agensi-agensy yang terlibat atas sumbangan mereka dalam menjayakan kedua-dua pertandingan berkenaan.

Oleh itu, BMR berharap inisiatif seumpama berkenaan akan terus memberi inspirasi kepada golongan belia untuk mengamalkan integriti, menolak rasuah serta memainkan peranan aktif dalam membentuk masyarakat yang telus dan akauntabiliti di Negara Brunei Darussalam.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

GAGAL PATUHI NOTIS PENGUATKUASAAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Sebuah syarikat penjualan barang binaan di Mukim Sengkurong telah dikenakan tindakan penguatkuasaan melalui Operasi Roboh yang dijalankan selama dua hari oleh Pihak Autoriti Perancang, berikutan kegagalan pihak syarikat untuk mematuhi kehendak Notis Penguatkuasaan dan sembilan amaran yang telah dikeluarkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248.

Syarikat tersebut telah didapati membina stor penyimpanan barang tanpa kebenaran dan menggunakan kawasan kaki lima, kawasan petak letak kenderaan, kawasan landskap dan kawasan driveway sebagai tempat mempamerkan barang-barang jualan.

Tindakan tersebut dilaksanakan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 39(1)(a) Akta berkenaan iaitu Autoriti Perancang boleh memasuki tapak berkenaan dan mengambil langkah-langkah yang perlu termasuk meroboh, membaik pulih dan memindahkan harta benda yang terdapat di atas tanah berkenaan.

Untuk makluman kepada orang ramai, segala kos dan

perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Autoriti Perancang bagi melaksanakan tindakan penguatkuasaan tersebut akan dituntut semula daripada pihak syarikat sebagai hutang sivil.

Pihak yang berkuasa perancangan ingin menegaskan kepada orang ramai bahawa tindakan penguatkuasaan akan terus diambil terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi undang-undang perancangan yang berkuat kuasa.

Orang ramai dan pemilik premis adalah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi keperluan perancangan serta mendapatkan kebenaran yang sewajarnya sebelum menjalankan sebarang pembangunan atau penggunaan tanah.

Untuk sebarang aduan atau khidmat nasihat berkaitan perancangan, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di +673 8200222.

OPERASI Roboh yang dijalankan selama dua hari oleh Pihak Autoriti Perancang (atas kanan, kanan dan bawah).



Bantu kesan pekerja lari daripada majikan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja dipercayai lari daripada majikan.

Laporan telah dibuat di Balai Polis Bandar Seri Begawan, untuk mengesan seorang lelaki warganegara Malaysia (Limbang) iaitu Moel Randil anak Rembang berusia 30 tahun dengan nombor Kad Pengenalan K62415387.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat mengenai lelaki

berkenaan boleh menghubungi Balai Polis Bandar Seri Begawan menerusi talian, +673 2242337 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.



WARGANEGARA Malaysia (Limbang) iaitu Moel Randil anak Rembang berusia 30 tahun.

Denda, penjara akibat miliki barang tegahan kastam

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Februari. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman denda di Mahkamah Majistret atas satu pertuduhan kerana memiliki barang tegahan kastam, iaitu 53 kanton dan satu paket rokok pelbagai jenis serta dua unit vape pod.

Majistret kanan Dewi

Norlelawati binti Haji Abdul Hamid membuat keputusan berkenaan selepas Awang Mohammad Syafiq Safwan bin Mohammad Jafar, 26 tahun, didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Operasi Jabatan

DARI MAHKAMAH

Kastam dan Eksais Diraja pada 25 Jun 2025, bertempat di sebuah rumah di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mengkubau.

Defendan dihukum denda sebanyak BND42,600 atau 14 bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda.

Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dan vape dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Padah miliki produk kesihatan, kosmetik tanpa kebenaran sah

TUTONG, Sabtu, 14 Februari. - Seorang wanita warganegara Republik Indonesia didenda sebanyak BND8,610 atau 16 bulan pemenjaraan jika gagal menjelaskan keseluruhan denda berkenaan.

Majistret Syaffina binti Shahif menjatuhkan hukuman setelah Astutik, 47 tahun, mengaku bersalah atas tiga pertuduhan.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bersama-sama

pegawai kesihatan pada 24 Ogos 2023, jam 5.52 petang bertempat di kawasan Kampung Serambangan, Tutong.

Menurut pertuduhan pertama di bawah Seksyen 140(1)(d) Perintah Kastam 2006, defendan menyimpan dan memiliki 350 units produk kesihatan dan produk kosmetik pelbagai jenis yang bercukai tanpa kebenaran yang sah.

Manakala pertuduhan kedua pula menyimpan dan memiliki

609 units produk kesihatan dan produk kosmetik pelbagai jenis yang tidak bercukai tanpa kebenaran yang sah.

Sementara pertuduhan ketiga menyimpan dan memiliki 99 units produk kesihatan dan produk kosmetik pelbagai jenis yang bercukai tanpa kebenaran yang sah.

Semua barang yang terlibat, iaitu produk kesihatan dan produk kosmetik untuk dihukum rampas dan diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan pelupusan.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Sebut Harga:
37 / QTN / JPK / 2025

Keterangan:
Supply And Delivery Five (5) Units 'Upholstery Of Stretcher Mattress' For Health Centres, Department Of Health Services

Bilangan Sebut Harga:
39 / QTN / JPK / 2025

Keterangan:
The Provision Of Supply And Delivery Of Specimen Barcode Stickers And MRO Patient Identification Barcode Stickers, Department Of Health Services For A Period Of Three (3) Years

Bilangan Sebut Harga:
PPM / PROC / 2025 / <50K / 024(MIC) - IKN

Keterangan:
To Supply And Deliver Antimicrobial Resistance Test Kits (Part II) For National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
38 / QTN / JPK / 2025

Keterangan:
Urgent Work To Supply And Install With New Earth Continuity Copper Tape At Roof Top Area, At PAPHMWHB Gadong Health Centre

Bilangan Sebut Harga:
40 / QTN / JPK / 2025

Keterangan:
Rectification Works, Ceiling Works And Replace Water Filter Cartridge At Berakas Health Centre

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1582) / 2026 / HTD (A20)

Keterangan:
Repair Three (3) Units Of

Dynaflow Fumehoods At Department Of Scientific Services

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 152 / 2025

Keterangan:
1/ Clarithromycin 250mg oral solid preparation preferably scored tablet Qty: 45 x 1,000's

2/ Verapamil Hydrochloride 2.5mg/ml injection Qty: 250 x 5's

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 153 / 2025

Keterangan:
1/ Finerenone 10mg oral solid preparation preferably tablet Qty: 700 x 28's

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 154 / 2025

Keterangan:
1/ Naltrexone 50mg oral solid preparation preferably tablet Qty: 40 x 30's

2/ Inclisiran 284mg/1.5ml Solution for injection in Prefilled Syringe Qty: 4 x prefilled syringe

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 155 / 2025

Keterangan:
1/ Metronidazole 250mg pessary Qty: 10 x 100's

2/ Calcium Liquid Preparation providing Elemental Calcium 100mg/5ml to 120mg/5ml Qty: 300 x 350ml

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 01 / 2026

Keterangan:
1/ Silver Nitrate pencil 95% Qty: 100 x 100's

2/ Venlafaxine 150mg modified release oral solid preparation preferably tablet Qty: 160 x 30's

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 02 / 2026

Keterangan:
1/ Estradiol 50mcg/24 hours and combination of Estradiol 50mcg/24 hours and Levonorgestrel 10mcg/24 hours transdermal patches as Femseven Sequi or its equivalent Qty: 45 x 4's

2/ Estradiol 50mcg/24 hours and combination of Estradiol 50mcg/24 hours and Norethisterone 170mcg/24 hours transdermal patch as Evorel Sequi or its equivalent Qty: 45 x 8's

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 03 / 2026

Keterangan:
1/ Ethambutol 100mg oral solid preparation preferably scored tablet Qty: 24 x 1,000's

2/ Digoxin-Specific Antibody Fragments 40mg as DigiFab or its equivalent Qty: 5 vials

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 04 / 2026

Keterangan:
1/ Budesonide modified release 3mg oral solid preparation preferably tablet Qty: 50 x 90's

2/ Carbachol 0.01% intraocular solution

Qty: 100 x 12's

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 05 / 2026

Keterangan:
1/ Semaglutide 7mg oral solid preparation preferably tablet Qty: 90 x 30's

2/ Semaglutide 14mg oral solid preparation preferably tablet Qty: 80 x 30's

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 06 / 2026

Keterangan:
1/ Tetanus Immunoglobulin (Human) injection 250iu Qty: 10 syringes

2/ Varicella Zoster Immunoglobulin (Human) Injection Qty: 10 vials

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 07 / 2026

Keterangan:
1/ Bisacodyl 5mg oral solid preparation preferably tablet Qty: 100 x 1,000's

2/ Tibolone 2.5mg oral solid preparation preferably tablet Qty: 100 x 28's

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1586) / 2026 / HTD (C21)

Keterangan:
To Repair Four (4) Units Of GE Healthcare Baby Incubator, Model: Giraffe Omnibed (BME17943, BME16722, BME17956 & BME17955) For NICU, SCBU RIPASH

Bilangan Sebut Harga:
PPM / PROC / 2025 / <50K / 013 (BDC) - IKN

Keterangan:
To Supply And Deliver Transport Systems For Whole Blood

Products For Blood Donation Centre, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health (Clustering)

Bilangan Sebut Harga:
(31) PPN / QTN / 2025 (PROSTHO)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Prosthodontics Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
(32) PPN / QTN / 2025 (PROSTHO)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Prosthodontics Equipment For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 08 / 2026

Keterangan:
1/ Mupirocin ointment 2% Qty: 3,500 x 5g

2/ Zoledronic acid 5mg/100ml solution for infusion Qty: 30 x 100ml

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 09 / 2026

Keterangan:
1/ Betamethasone sodium phosphate 0.1% and neomycin sulfate 0.5% eye/ear drop Qty: 500 x 12's

2/Ocular lubricant in ointment from containing liquid paraffin 42.5% w/w white soft paraffin 57.3% w/w as Lacri-lube eye ointment or its equivalent Qty: 4,000 x 5g

Bilangan Sebut Harga:
PPS / QTN / 10 / 2026

Keterangan:
1/ Ergometrine Maleate 0.5mg and Oxytocin Synthetic 5iu per ml injection as Syntometrine Injection or its equivalent Qty: 500 x 12's

Bilangan Sebut Harga:
MOH / HPC / QTN / 25 - 26 (15)

Keterangan:
"Anti-Tobacco Campaign In Conjunction With World No Tobacco Day For The Health Promotion Centre, Ministry Of Health" - Clustering

Bilangan Sebut Harga:
BME / A2K / (1588) / 2026 / HTD (A16)

Keterangan:
To Perform Planned Preventive Maintenance (PPM) And Repair Work For Fourteen (14) Units Of Euronda Autoclave At Berakas, Gadong, Sg Asam, Sengkurong, Muara, Sungai Besar And Bunut Health Centres, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,
21 Februari 2026
Jam 9.00 Pagi



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

17 / JULY / 2025 / KKBS / PJK / 16.22 (R)

Mechanical And Electrical Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For 1) Pusat Pembangunan Belia; & 2) Outward Bound Brunei Darussalam Main Office (Requotation)

Tarikh Tutup:
Khamis
26 Februari 2026



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0057 / 2025 / 2026

One (1) Year Term Contract For Building Maintenance And Civil Works At Gadong Campus Under Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) [MOD Class: I & II] & [Category: B01 & KA01]

UNISSA / SB0058 / 2025 / 2026

One (1) Year Term Contract For Building Maintenance And Civil Works At Sinaut Campus Under Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) [MOD Class: I & II] [Category: B01 & KA01]

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
25 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari



UNISSA / SB0059 / 2025 / 2026

One (1) Year Term Contract For Maintenance And Repair Electrical Services At Gadong Campus Under Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) [MOD Class: I & II] & [Category: E01]

UNISSA / SB0060 / 2025 / 2026

One (1) Year Term Contract For Maintenance And Repair Electrical Services At Sinaut Campus Under Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) [MOD Class: I & II] [Category: E01]

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
25 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari



UNISSA / SB0061 / 2025 / 2026

Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Air-Conditioning System Unit At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus For Period Of One (1) Year [MOD Class: I & II] & [Category: M01 & E01]

UNISSA / SB0062 / 2025 / 2026

Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Air-Conditioning System Unit At Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sinaut Campus For Period Of One (1) Year [MOD Class: I & II] [Category: M01 & E01]

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
25 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari





**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
001 / HQ / 2025-M (Lelong)
Jualan Lelong Bagi Alat Menangkap Ikan Di Ibu Pejabat Polis Marin, Muara

Keterangan Harta Benda:
Jaul (menggunakan joran) tidak ada batu pemberat

Jumlah:
5 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND100.00

Keterangan Harta Benda:
Jaul (menggunakan kirikan saiz besar) **berserta 7-unit batu pemberat saiz besar**

Jumlah:
7 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 87.50

Keterangan Harta Benda:
Rod Batang Joran sahaja

Jumlah:
1 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 7.50

Keterangan Harta Benda:
Batu Pemberat (Besar)

Jumlah:
14 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 10.50

Keterangan Harta Benda:
Batu Pemberat (Sederhana)

Jumlah:
25 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND9.40

Keterangan Harta Benda:
Kerikan Kosong (Besar)

Jumlah:
6 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 5.00

Keterangan Harta Benda:
Anjun umpan tiruan jenis biasa

Jumlah:
5 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND1.25

Keterangan Harta Benda:
Jigging (Umpun tiruan) Beraneka corak dan bentuk

Jumlah:
40 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND100.00

Keterangan Harta Benda:
Cool box saiz besar warna oren

Jumlah:
1 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 25.00

Keterangan Harta Benda:
Perambut jenis steel

Jumlah:
1 Roll

Harga Indikasi Permulaan:
BND 1.25

Keterangan Harta Benda:
Perambut jenis tangsi

Jumlah:
10 Roll

Harga Indikasi Permulaan:
BND 7.50

Keterangan Harta Benda:
Siut Ikan 2 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 4.00

Keterangan Harta Benda:
Tool box alat pancing saiz besar

Jumlah:
1 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 7.50

Keterangan Harta Benda:
Tool box alat pancing saiz sederhana

Jumlah:
2 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 5.00

Keterangan Harta Benda:
GPS Garmin (Model: GPS 73)

Jumlah:
1 Unit

Harga Indikasi Permulaan:
BND 50.00

Keterangan Harta Benda:
Mata Kail saiz besar

Jumlah:
2 Kotak

Harga Indikasi Permulaan:
BND 5.00

Keterangan Harta Benda:
Mata Kail saiz sederhana

Jumlah:
3 Kotak

Harga Indikasi Permulaan:
BND 6.00

Keterangan Harta Benda:
Anjun umpun tiruan berbagai jenis

Jumlah:
21 Kotak

Harga Indikasi Permulaan:
BND 10.50

Caj Borang:
BND2.00

Tarikh Tutup:
Rabu,
11 Mac 2026
Jam 10.00 Pagi



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Pensyarah (PT1A) / Penolong Profesor (PT2 / PT2A)

Tangga Gaji:
PT1A (BND3190 - BND3300 - BND3410 - BND3520 - BND3640 - BND3760 EBKhas BND3880 - BND4000 - BND4120 - BND4240)
PT2 (BND3880 - BND4000 - BND4120 - BND4240 - BND4360 EBKhas BND4480 - BND4600 - BND4720 - BND4840 - BND4960)
PT2A (BND4480 - BND4600 - BND4720 - BND4840 - BND4960 - BND5080 - BND5200 - BND5320 - BND5400 EBKhas BND5610)

Menghadapkan Borang Permohonan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini: <https://forms.gle/3WmiGGEhmXJu9B7x7> dan memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang-borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **28 Februari 2026**. Iklan penuh bolehlah dilayari di laman sesawang <https://ubd.edu.bn/about/career-opportunities/>



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(177) INFO / PK / K / 7 (2025-2026)
Membekalkan Album Gambar (Requote)

Yuran:
Dikenakan Bayaran BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 Februari 2026
Jam 8.00 Pagi



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
UBD / E8 / 005 / 2025 - (T)
Renovation Works For Sultan Hassanal Bolkhiah Institute Of Education Joint Centre, Universiti Brunei Darussalam

Kelas:
II and above

Kategori:
B01, E01

Bayaran Tawaran:
Bayaran Dokumen & Pentadbiran (termasuk e-Dokumen)
BND35.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 2.00 Petang



Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 31 / 2024

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Ramli Bin Haji Lamit BYIC No. 251313 Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Februari 2025**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
Ramli Bin Haji Lamit No. 1363, Kampung Batu Ampar, Jalan Limau Manis, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petyisen:
31 Julai 2024

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmii dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmii, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 Februari 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmii, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 3 Mac 2026, Jam 9.15 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini. Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan **pada 3 Mac 2026, Jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan halhalnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
29 Disember 2025

Kes No.
BCY / CP / 200 / 2024

Nur Amalia Binti Haji Ahmad Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Dyg. Mariam Binti Haji Abd Rahman BYIC No. 00-055483 Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **26 April 2025**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
Dyg. Mariam Binti Haji Abd Rahman No. 16, Simpang 9, Kampung Kilanas, Jalan Ban 1, BF2520, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petyisen:
8 Oktober 2024

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmii dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmii, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **26 April 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmii, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada 3**



MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

>> Muka 26

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 3 Mac 2026, jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Tarikh:
14 Januari 2026

Pg Siti Nursu'aidah Binti Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 103 / 2025

Baiduri Finance Berhad
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Mohamad Yady Iryandy Bin Mohd. Eddy Erpiyan
BYIC NO. 00-288964
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 Ogos 2025.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Mohammad Yady Iryandy Bin Mohd. Eddy Erpiyan
No 31, Jalan 17,
RPN Lambak Kanan Berakas.
BC 2715.
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen:
10 Julai 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Ogos 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 2 Mac 2026, jam 10.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 2 Mac 2026, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
29 Disember 2025

Nuuror-Raheebah Binti Haji Abd Wahab
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Syarikat (Penggulungan)

Bilangan BCY / VCWP / 1 / 2025
In The Matter Of The Insolvency Order 2016 Dan
In The Matter Of The Insolvency (Winding Up) Rules, 2018
Dan
In The Matter Of Syarikat P Cube Sdn Bhd

Perintah Penggulangan [Aturan 36(1)(C)]

Nama Syarikat:
Syarikat P Cube Sdn Bhd

Alamat Pejabat Berdaftar:
Level 3, Design & Technology Building,
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Dea,
Bandar Seri Begawan,
BB 3713.
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Perkara:
Syarikat-Syarikat (Penggulangan)

Bilangan BCY / VCWP / 1 / 2025

Tarikh Mengumumkan Petisyen:
21 Januari 2025

Tarikh Perintah:
8 Mei 2025

Tarikh:
12 Januari 2026

Syarikat (Penggulangan)

Bilangan BCY / VCWP / 1 / 2025
In The Matter Of The Insolvency Order 2016 Dan
In The Matter Of The Insolvency (Winding Up) Rules, 2018
Dan
In The Matter Of Syarikat P Cube Sdn Bhd

Perintah Penggulangan [Aturan 36(1)(C)]

Notis Perjumpaan Pertama Pemiutang

Di bawah Perintah Penggulangan bertarikh 8 Mei 2025

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa Perjumpaan Pertama Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2 (L2-11), Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada 10 Februari 2026 jam 9.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Bertarikh:
12 Januari 2026

Hajah Ervy Sufitriana Binti Haji Abdul Rahman
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 93 / 2025

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Awang Rosman Bin Hj Md Hasan
BYIC NO. 00-115703
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 18 Disember 2025.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Awang Rosman Bin Hj Md Hasan
No. 729, Kampung Masin,
Jalan Limau Manis, BH 2723.
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen:
7 Julai 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 Disember 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 19 Mac 2026, Jam 10.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 19 Mac 2026, Jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis,

bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
27 Januari 2026

Kes No.
BCY / CP / 189 / 2025

Better Sdn Bhd
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Wan Zulandi Bin Mohd Zelani
BYIC NO. 00-265929
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Januari 2026.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Wan Zulandi Bin Mohd Zelani
No. 60, Simpang 188,
Perpindahan Mentiri.

And / or

No. 61,
Simpang 637-84-103,
Lambak Kiri,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen:
8 Disember 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Januari 2026.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 1 April 2026, Jam 10.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 1 April 2026, Jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
31 Januari 2026

Kes No.
BCY / CP / 105 / 2025

Pengiran Izad And Lee
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Haji Darryl Aidin Bin Haji Maidin
BYIC NO. 00-274000
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 14 Ogos 2025 telah dibatalkan pada 29 Januari 2026.

Nama Penghutang:
Haji Darryl Aidin Bin Haji Maidin

Alamat Penghutang:
No. 18A, Simpang 160-18,
Jalan Pasir Berakas,
Kampung Lambak B,
Mukim Berakas A. BB 1214.
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh:
4 Februari 2026

Kes No.
BCY/CP/321/2022

BIBD At-Tamwil Berhad
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Nora Mirna Binti Momin
BYIC NO. 00-312613 / LC5518
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa: a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 20 Disember 2025.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Nora Mirna Binti Momin
No. 3, Block B, Pandan 7,
Simpang 21, Kuala Belait
KA 2123.
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
9 Mac 2023

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 20 Disember 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 2 April 2026, Jam 9.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

>> Muka 28

>> Muka 27

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 2 April 2026, Jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
3 Februari 2026

Kes No.
BCY/CP/311/2024

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Pengiran Siti Rosnawati Binti Pengiran DP Haji Metassin
BYIC NO. 00-252310
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Januari 2026.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Pengiran Siti Rosnawati Binti Pengiran DP Haji Metassin
No. 295, Simpang 299,
Kampung Manggis,
Jalan Muara. BC 3515.
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen:
21 Disember 2024

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Januari 2026.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 1 April 2026, Jam 10.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini. Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 1 April 2026, Jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
2 Februari 2026

Muhammad Syafiq Bin Awang Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
IV (III & IV) Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 001 / 2026 –
(SEW).T.IV

Nama Projek:
Kontrak bermusim
Tiga (3) Tahun Bagi
Kerja-Kerja Operasi dan
Pemeliharaan Sistem
Telemetri Bahagian Pembedungan,
Jabatan Kerja Raya
(2026 – 2029)

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Kelas:
V (IV & V) Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 002 / 2026 –
(SEW) T.IV

Nama Projek:
Penyambungan Pembedungan
Di Kawasan Kg Pengkalan
Gadong, Kg Batu Bersurat
Dan Kg Menglait

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Mac 2026
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V Atau VI

Kategori:
M01

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
24 Februari 2026
Tidak Lewat Jam
12.00 Tengah hari

Tarikh Tutup:
Selasa,
3 Mac 2026
Tidak Lewat Jam
12.00 Tengah hari

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 02 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Sistem Penghawa Dingin
Di Bangunan Tarindak D' Seni,
Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
Flight Calibration for Air
Navigation Facilities
ATELS / 2026 / LTK-01

Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran:
16 Februari 2026,
Isnin

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
9 Mac 2026,
Isnin

Tarikh Tutup Tawaran:
10 Mac 2026,
Selasa

Kepada:
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Rancangan
Pemakanan Sekolah Dan
Program Harapan 2026

DA / JKSH / 01 / 2026 / 2027
[BPPA-FEB-2026]

Sebut Harga Membekal
Dan Menghantar Keperluan
Rancangan Pemakanan Sekolah
Bahagian Makan Bagi:
Sekolah Rendah Rataie
Daerah Temburong.
Kementerian Pendidikan.
Negara Brunei Darussalam
Kod Blok: MTR/01
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

Bayaran Yuran
Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh
Tutup / Waktu:
Sabtu,
21 Februari 2026
Jam 9.00 Pagi



JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:-
JPM / JKDN / UKDS /
25-26 - SBH#16
Projek Sekali sahaja
bagi penggantian panel kaca
dengan dinding batu-bata,
Pemasangan tingkap kaca
aluminium di kawasan tangga
di blok 16 & 17 dan
kerja-kerja pembaikan
retak tangga dalaman
serta jubin lantai di Blok 17,
Simpang 32-15,
Kampung Anggerek Desa,
Jalan Anggerek Desa,
Mukim Berakas A,
BB3510, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh
Tutup Tawaran:
Rabu
18 Mac 2026
Jam 12.00 Tengah Hari

Yuran Tawaran:
Percuma



MOE / LTK / 77 / 2025 / 2026
(JPPE-JAN-2026)
Upgrading Works For Centre Of
Excellence At Sekolah Rendah
Lambak Kanan Jalan 49,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas:
II & III Sahaja
(Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam)

Kategori:
B01

Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Sabtu, 14 Februari 2026

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa, 24 Februari 2026
Tidak Lewat
Jam 12.00 Tengah Hari



KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

Tawaran dibukakan kepada
Pemborong-Pemborong yang
berdaftar bagi mengikuti
Tawaran Projek Kerajaan
Negara Brunei Darussalam di
dalam kelas II, III dan keatas
serta mempunyai kategori kerja
dalam pembekalan dan
perkhidmatan.

Bilangan Tawaran:
MFA / ICC / 04 / 2025-26

Tajuk Tawaran:
Tender For Rental Of Audio Visual
And Conference Systems For The
Asean-Eu Ministerial Meeting
2026 At International Convention
Centre, Berakas

Bayaran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 12.00 Tengah Hari





سمبوتن اولع تاهون هاري كبغساءن نكارا بروني دارالسلام ك-٤٢، تاهون ٢٠٢٦

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-42, Tahun 2026

KIBARKANLAH

BENDERA KEBANGSAAN DAN BENDERA PERIBADI

5 Ramadan 1447 | 23 Februari 2026



www.information.gov.bn
www.pelitabrunei.gov.bn | www.infofoto.gov.bn

Jabatan Penerangan
Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam



INDUSTRI KOTAJ

Juadah kegemaran keluarga jadi perniagaan

Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Ihsan Syanisah Enterprise

BAGI penggemar mi, banyak pilihan mi berada di pasaran sama ada jenis mi basah mahupun kering. Kebanyakan mi kering yang didapati di pasaran *kitani* adalah diimport dari negara jiran dan sudah lama bertapak di negara ini malah sudah mempunyai penggemar tetap. Ia boleh dimasak bersama bahan yang disediakan sendiri mahupun menggunakan perencah yang telah disediakan bersama mi tersebut.

Bertapak hampir 10 tahun di pasaran, Kolo Mee Kitani merupakan salah satu mi tempatan yang dijual di pasaran. Alhamdulillah, ia juga mampu bersaing dengan produk import malah terus saja mendapat kepercayaan dan pengemarnya dalam kalangan masyarakat tempatan.

Dayang Haimisah Mahli, 49 tahun telah mengusahakan Kolo Mee Kitani bermula pada tahun 2017. Sebelum itu beliau berniaga menjual pakaian kanak-kanak, menjual bunga-bunga dan *live cook*.

Pada mulanya perniagaan ini dijalankan secara separuh masa. Apabila melihat permintaan semakin baik tambahan lagi selepas COVID-19 perniagaan pakaian mula bekurang, mereka pun beralih ke perniagaan Kolo Mee Kitani sepenuh masa, di bawah syarikat Syanisah Enterprise.

Di bawah syarikat Syanisah Enterprise, selain Kolo Mee Kitani, beliau juga mengusahakan tepung takoyaki, sos takoyaki, Mee Belacan, aiskrim yang dijadikan sebagai kek hari jadi dan

membekalkan bonito. Syarikat ini juga ada menjual soto segera, laksa segera namun permintaan agak kurang buat masa ini.

Ditanya dari mana dapat idea perniagaan ini, beliau berkata beliau selalu belayar pergi ke Republik Rakyat China, Republik Indonesia, Dubai untuk membeli barang-barang untuk dijual, dan selalu meninggalkan suami dan anak-anak di rumah. Oleh itu beliau mencari makanan yang mudah disediakan oleh keluarganya ketika ketiadaannya. Keluarga beliau suka makan kolo mi. Dari sinilah mula terdetik untuk mengusahakan Kolo Mee Kitani. Beliau pun mencari cara untuk memasak kuah menjadi pes, bersama dengan bahan kering yang boleh dimasak dengan sangat mudah. Segala bahan mentah untuk keperluan perniagaan juga diperolehi dari pasaran tempatan.

Di dapur rumahnya beliau mengusahakan pembuatan Kolo Mee Kitani dan memasarkannya ke pasar raya dan kedai-kedai serbaneka di negara ini. Untuk satu kumpulan produksi, syarikat beliau dapat menghasilkan 4,000 bungkus ke atas, mengikut permintaan. Kini, sebanyak 20 kedai telah mereka bekalkan Kolo Mee Kitani yang mana setiap kedai dibekalkan sebanyak 200 bungkus setiap minggu. Kedai pertama yang mereka bekalkan ialah One Station di Mentiri kemudian berkembang ke kedai-kedai lainnya. Beliau bersyukur kepada masyarakat tempatan tidak putus-putus.

Sememangnya Kolo Mee Kitani merupakan produk *best seller* dalam syarikat beliau di samping Mee Belacan, tepung takoyaki dan aiskrim iaitu aiskrim

durian kuning, oreo, *bubblegum* dan *double chocolate* dan kek hari jadi yang diperbuat seratus peratus dari aiskrim.

Dari perusahaan ini, beliau pernah mendapat Anugerah Nakhoda Hidup dari Mydin Malaysia. Dari berjualan ini beliau sudah dapat membawa keluarga menjelajah tujuh negara Eropah seperti Paris, London, Brussel, Republik Persekutuan Jerman, Swiss, Amsterdam dan Belgium. Selain itu beliau juga dapat membawa kedua ibu bapanya serta adik beradik beliau dan ahli keluarga mengerjakan ibadah Umrah pada tahun lepas. Selain itu beliau juga menjelajah ke Beijing, Harbin, Tianjin, Republik Korea dan Republik Indonesia.

Berniaga sememangnya mudah mengatur masa untuk mahu bekerja. Syarikat ini hanya diusahakan sesama keluarga sahaja dengan dibantu pekerja sementara apabila diperlukan.

Sepanjang berniaga antara cabaran yang pernah dihadapi ialah ketika mengadakan ekspo ke luar negara dan juga eksport makanan ke luar negara. Apabila pelanggan mendengar harga barangan pada mulanya agak keberatan namun apabila merasa kualiti produk, mereka menjadi pelanggan tetap.

Selain itu cabaran mencari pembeli ketika di ekspo untuk mempercayai barangan kitani juga sukar. Berbeza dengan menghantar ke kedai-kedai, kita hanya melepaskan ke pasar raya dan menggunakan iklan-iklan melalui media sosial.

Beliau belajar membuat produk-produk syarikat di luar negara, iaitu MARDI, Malaysia.

Sepanjang berniaga, pihak DARE banyak membantu produk-produk tempatan agar dapat menembusi pasar raya tempatan dan ekspo di luar negara. Selain itu DARE juga banyak membantu orang tempatan mengeksport barangan keluar negara.

Ketika ini Kolo Mee Kitani telah dieksport ke Malaysia dan Republik Singapura.

Pihak Pusat Pembangunan Belia juga ada membantu syarikatnya dari segi geran dan ilmu.

Kesimpulan

Dari perusahaan ini dapat kita lihat bahawa dapur di rumah bukan hanya setakat memasak juadah untuk keluarga malahan juga boleh menghasilkan sejumlah produk dalam kuantiti yang banyak asalkan ada kegigihan dan usaha untuk mencapai *target* tersebut. Mengubah kehidupan keluarga dengan perniagaan banyak manfaatnya tambah-tambah lagi jika produk yang dijual itu mendapat kepercayaan masyarakat tempatan. Apabila produk dari dapur rumah dapat dihasilkan pada kuantiti yang banyak, dapatlah kita memasuki pasaran tempatan malahan juga keluar negara. Dalam sibus berniaga, pengusaha juga mesti ambil berat akan kesihatannya agar perusahaan tersebut dapat dijalankan secara berpanjangan. Usaha sebeginilah harus dijadikan panduan dan motivasi kepada peniaga lainnya. Selain itu mematuhi apa juga peraturan yang berkaitan dengan keperluan perniagaan juga penting demi menjaga kemaslahatan bersama.

2 MAUT, 13 CEDERA AKIBAT SALJI DI ATAS BUMBUNG DI RUSIA



MOSCOW, 15 Feb. - Dua orang telah terbunuh dan 13 yang lain cedera di Rusia sejak awal tahun 2026 akibat salji dan ais yang turun dari bumbung, kata Kementerian Kecemasan Rusia pada hari Sabtu.

Di seluruh negara, 44 kes runtuhan bumbung yang

disebabkan oleh beban salji yang berlebihan telah direkodkan setakat 13 Feb, kata Kementerian itu.

Ia menekankan keperluan segera untuk membersihkan salji dari bumbung, terutamanya di kemudahan sosial dan lokasi yang mempunyai orang ramai, menyeru usaha yang diselenggarakan daripada

pihak berkuasa serantau dan kerajaan tempatan untuk segera menjalankan kerja tersebut.

Januari 2026 telah menjadi bulan paling bersalji di Moscow dalam tempoh lebih dua abad, dengan bandar itu mengalami salji paling lebat dalam tempoh 56 tahun pada 9 Januari. - ©XINHUA

PEKERJA membersihkan salji di Petropavlovsk-Kamchatsky, Rusia, 19 Januari 2026.

Britain akan atur gerak kumpulan penyerang kapal induk ke Artik

LONDON, 15 Feb. - Britain akan mengatur gerak kumpulan penyerang kapal induk ke Atlantik Utara dan High North tahun ini, kata Perdana Menteri Britain Keir Starmer pada Persidangan Keselamatan Munich di Jerman pada Sabtu, lapor Xinhua.

Starmer berkata kapal induk Britain HMS Prince of Wales akan mengetuai atur gerak kumpulan penyerang itu, menurut laporan

Sky News. Beliau berkata Eropah "mesti bersedia untuk berperang", menyifatkan benua itu sebagai "gergasi yang sedang tidur" dengan "keupayaan pertahanan yang besar", namun menambah bahawa "terlalu kerap keupayaan ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya secara kolektif".

Starmer berkata Britain bukan lagi negara seperti ketika era Brexit, sambil menambah

bahawa tiada keselamatan Britain tanpa Eropah dan tiada keselamatan Eropah tanpa Britain.

Beliau mengulangi komitmen Britain untuk mempertahankan sekutunya jika diperlukan berdasarkan Artikel 5 Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO), iaitu prinsip pertahanan kolektif dalam kalangan negara anggota. - ©BERNAMA

Poland tahan penyeludup rokok guna belon cuaca dari Belarus

WARSAW, 14 Feb. - Pengawal sempadan Poland menahan lapan orang disyaki penyeludup yang menggunakan belon cuaca untuk mengangkut rokok secara haram dari Belarus merentasi sempadan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Suspek terdiri daripada empat warga Poland dan empat warga Lithuania berusia antara 20 hingga 44 tahun, menurut jurucakap pada Jumaat.

Mereka didakwa melakukan kesalahan cukai yang serius serta

pelanggaran undang - undang keselamatan negara dan berdepan hukuman penjara minimum tiga tahun jika sabit kesalahan.

Tangkapan yang dilakukan di Wilayah Podlaskie di timur laut Poland itu menjadikan jumlah keseluruhan suspek penyeludupan menggunakan belon yang ditahan tahun ini seramai 16 orang, menurut Menteri Dalam Negeri Poland, Marcin Kierwinski.

Beliau berkata nilai rokok yang dirampas setakat ini mencecah 2.8

juta zloty (USD788,000).

Poland telah membina penghadang sepanjang kira-kira 180 kilometer dengan ketinggian 5.5 meter yang dilengkapi teknologi pengawasan moden di sepanjang sempadannya dengan Belarus, yang juga merupakan sempadan luar Kesatuan Eropah.

Pengawal sempadan menyatakan bahawa penyeludup kini sedang mencari kaedah baharu sejak pembinaan tembok itu. - ©BERNAMA

Emirates maklum penerbangan berjadual terakhir dari Algeria pada 3 Februari 2027

ISTANBUL, 14 Feb. - Emirates pada Jumaat memaklumkan bahawa penerbangan berjadual terakhirnya dari Algeria ditetapkan pada 3 Februari 2027, dan operasi antara kedua-dua negara masih berjalan seperti biasa buat masa ini, lapor Anadolu Ajansi, memetik akhbar tempatan.

Syarikat penerbangan milik kerajaan itu berkata penerbangan ke dan dari Algeria beroperasi mengikut jadual yang diluluskan, tanpa kesan serta-merta terhadap perkhidmatan.

Ia menasihatkan pelanggan yang mempunyai tempahan supaya meneruskan rancangan perjalanan seperti biasa, susulan keputusan Algeria minggu lalu untuk memulakan prosedur menggantung perkhidmatan udara antara kedua-dua negara.

Emirates berkata ia akan

"mematuhi sepenuhnya sebarang arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan dan akan memaklumkan pelanggan, kakitangan serta rakan kongsi mengenai sebarang perubahan sekiranya keadaan berubah".

Syarikat penerbangan itu memaklumkan penerbangan terakhir yang kini dalam jadualnya ialah EK757, berlepas dari Algeria pada 3 Februari 2027. Ia memohon maaf atas sebarang kesulitan dan menggesa pelanggan yang rancangan perjalanan mereka mungkin terjejas selepas tarikh itu supaya mempertimbangkan aturan alternatif melalui ejen tempahan masing-masing.

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Umum berkata kira-kira seminggu lalu bahawa tiada "kesan serta-merta" terhadap

penerbangan selepas Algeria mengumumkan langkah untuk membatalkan perjanjian perkhidmatan udara dua hala.

Pihak berkuasa itu berkata ia menerima "pemberitahuan" rasmi daripada Algeria dan memaklumkan bahawa 'langkah itu mengikut prosedur yang ditetapkan dalam perjanjian antarabangsa', sambil menambah operasi akan diteruskan sepanjang tempoh notis yang ditetapkan oleh undang-undang.

Agensi berita negara Algeria, APS, berkata perjanjian perkhidmatan udara itu ditandatangani di Abu Dhabi pada 13 Mei 2013 dan diratifikasi melalui dekre presiden pada 30 Disember 2014. Pihak berkuasa Algeria tidak mendedahkan alasan bagi keputusan tersebut.

Di bawah Perkara 22 perjanjian

Ukraine sedia untuk perjanjian bagi keamanan sebenar

KYIV, 15 Feb. - Ukraine bersedia untuk mencapai satu perjanjian yang mampu membawa keamanan sebenar, kata Presiden Volodymyr Zelensky pada Sabtu di Munich, Jerman, menurut agensi berita Ukrinform, lapor Xinhua.

"Ukraine bersedia untuk satu perjanjian yang akan membawa keamanan sebenar kepada kami, kepada Ukraine, kepada Eropah," katanya ketika berucap pada Persidangan Keselamatan Munich, sambil menambah bahawa krisis itu boleh ditamatkan dengan penuh bermaruah. "Itulah yang paling penting bagi kami," kata Zelensky.

Menurut beliau, Eropah secara praktikalnya tidak berada di meja rundingan, yang disifatkannya sebagai satu "kesilapan besar". Rakyat Ukraine sedang berusaha untuk melibatkan sepenuhnya Eropah dalam proses rundingan supaya "kepentingan Eropah dan suara Eropah diambil kira".

Beliau menambah bahawa Ukraine akan melakukan segala usaha untuk memastikan rundingan itu berjaya dan sedang berhubung secara berterusan dengan wakil Amerika Syarikat (AS). - ©BERNAMA

Seorang maut, lebih 80 cedera ribut badai timur laut Sepanyol

MADRID, 14 Feb. - Seorang wanita berusia 46 tahun maut dihempap tembok yang runtuh akibat angin kencang ketika Ribut Nils melanda timur laut dan timur Sepanyol pada Khamis, lapor Xinhua memetik stesen penyiar awam Sepanyol RTVE pada Jumaat.

Wanita itu mengalami kecederaan parah apabila sebuah tembok bata runtuh berhampiran pintu masuk kilang tempatnya bekerja. Beliau dibawa ke Hospital Vall d'Hebron di Barcelona namun kemudiannya meninggal dunia akibat kecederaan tersebut.

Pihak berkuasa memaklumkan enam individu masih dirawat di hospital dengan kecederaan serius berkaitan ribut tersebut, manakala lebih 80 yang lain memerlukan rawatan perubatan.

Tiupan angin melebihi 140 kilometer sejam (km/j) direkodkan di beberapa bahagian di wilayah Catalan, sehingga menumbangkan pokok serta merosakkan infrastruktur jalan raya dan ruang santai luar bangunan.

Pihak berkuasa Catalan menyatakan mereka menerima 5,939 panggilan kecemasan pada Khamis, kebanyakannya di kawasan Barcelona.

Perkhidmatan bomba wilayah, Bombers de la Generalitat, melaporkan sebanyak 3,495 insiden, manakala lebih 100 penerbangan dibatalkan di Lapangan Terbang Barcelona-El Prat. - ©BERNAMA

Gempa bumi 6.5 magnitud landa Vanuatu

HONG KONG, 14 Feb. - Gempa bumi 6.5 magnitud melanda 59 kilometer (km) di barat Port-Olry, Vanuatu pada 02:27:41 GMT pada Sabtu, menurut Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS), lapor Xinhua.

Pusat gempa, dengan kedalaman 10.0km, pada mulanya ditentukan berada pada latitud 15.06 darjah selatan dan pada longitud 166.52 darjah timur. - ©BERNAMA

itu, mana-mana pihak perlu memaklumkan penamatan kepada pihak satu lagi melalui saluran diplomatik serta turut memaklumkan Setiausaha Agung Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Perjanjian itu membenarkan pihak berkuasa penerbangan

kedua-dua negara melantik satu atau lebih syarikat penerbangan untuk mengendalikan laluan yang dipersetujui dan memperuntukkan penggantungan atau pembatalan lesen operasi sekiranya berlaku pelanggaran undang - undang serta peraturan yang berkuat kuasa. - ©BERNAMA



MENILAI KEMAJUAN KEMAHIRAN PESILAT UNTUK PENINGKATAN PRESTASI

■ Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Sabtu, 14 Februari. - Kenaikan tali pinggang dalam pencak silat ialah cara untuk menilai kemajuan para pesilat dalam kemahiran, disiplin dan pemahaman terhadap seni bela diri.

Ia juga menunjukkan penguasaan teknik asas dan lanjutan, serta mencerminkan komitmen dan sikap para pesilat.

Sehubungan itu, satu Majlis Penyampaian Penghargaan dan Kenaikan Tali Pinggang bagi Skim Pencak Silat Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Daerah Tutong berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Majlis anjuran JBS Daerah Tutong berkenaan dihadiri oleh Ketua Cawangan, JBS, Daerah Tutong, Dayang Amhra Farahiya binti Haji Mohd. Hamdilah selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir, Ketua Unit Sukan JBS, Daerah Tutong, Awang Kamil bin Lamat; dan Pemangku Yang Dipertua Persekutuan

Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB), Awang Haji Abdul Rajak bin Haji Mohd. Deli; serta para ibu bapa dan penjaga para pesilat skim berkenaan.

Terdahulu, majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan ucapan penghargaan daripada tetamu kehormat majlis. Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian penghargaan dan kenaikan tali pinggang kepada para pesilat skim berkenaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis juga diserikan dengan demonstrasi pencak silat daripada Skim Pencak Silat JBS, Daerah Tutong.

Seramai 57 pesilat Skim Pencak Silat berkenaan menerima kenaikan tali pinggang, iaitu 32 penerima Tali Pinggang Biru, 10 penerima Tali Pinggang Hijau, 12 penerima Tali Pinggang Ungu, dan tiga penerima Tali

Pinggang Merah.

Sementara itu, penerima Penghargaan Pesilat Kanak-kanak Harapan diberikan kepada Awang Muhammad Abdul Fattah bin Badrul Azri, manakala Awang Muhammad Darwisy Raffique bin Abdullah pula penerima Penghargaan Pesilat Lelaki Remaja Harapan, sementara Dayang Adi Aina Maisarah binti Zaidi pula penerima Penghargaan Pesilat Perempuan Remaja Harapan.

Manakala, Awang Muhd. Izz Malik bin Haji Harmaini menerima Penghargaan Pesilat Berprestasi Lelaki Remaja; sementara Dayang Nur Asyifa Shabiqah binti Masli pula penerima Penghargaan Pesilat Berprestasi Perempuan Remaja; dan Dayang Nur Afifah Sheqah binti Masli, penerima Penghargaan Pesilat Berprestasi Wanita Dewasa.

Sementara itu, penerima Penghargaan Pesilat Lelaki Terbaik Keseluruhan 2024-2025 disandang oleh Awang Muhd. Izz Malik, manakala penerima Penghargaan Pesilat Wanita



MAJLIS Penyampaian Penghargaan dan Kenaikan Tali Pinggang bagi Skim Pencak Silat Jabatan Belia dan Sukan, Daerah Tutong berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Tutong,

Terbaik Keseluruhan 2024-2025 pula diterima oleh Dayang Nur Asyifa Shabiqah.

Tujuan dan matlamat program berkenaan adalah memberikan dorongan serta semangat kepada para pesilat supaya lebih memajukan diri untuk

peningkatan prestasi dan berpotensi untuk diserapkan mewakili negara.

Selain itu, bagi menanamkan minat kepada para pesilat muda agar bersemangat dan berkebolehpasaran untuk menjadi atlet pelapis yang cemerlang.

DPMM FC tewas ke atas Kuching City FC



AKSI perlawanan di antara DPMM FC menentang Kuching City FC pada perlawanan Piala Malaysia 2025/2026.

■ Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan
Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan, Tangkap Layar RTBGo

SARAWAK, Sabtu, 14 Februari. - Kuching City FC berjaya mara ke pusingan separuh akhir Piala Malaysia 2025/2026 setelah berhasil menewaskan DPMM FC pada aksi perlawanan suku akhir kedua yang berlangsung malam tadi bertempat di Stadium Negeri Sarawak.

Kedua-dua pasukan mempamerkan permainan agresif pada 10 minit pertama permainan dengan melakukan serangan ke atas kubu pertahanan lawan namun belum dapat disudahi dengan sempurna.

Pada minit ke-13, Kuching City FC hampir berjaya mendahului DPMM FC

namun percubaan berbahaya berkenaan ditidakkan oleh palang sekali gus memberikan kelegaan kepada DPMM FC.

Namun, pemain import Kuching City FC asal Cameroon, Ronald Ngah Wanja, akhirnya berjaya menanduk masuk gol pertama buat pasukannya pada minit ke-28 menjadikan keputusan sementara Kuching City FC mendahului DPMM FC dengan agregat 4-1.

Setelah gol pembukaan berkenaan, Kuching City FC masih mengekalkan momentum dengan melakukan beberapa serangan susulan namun pujian harus diberikan buat barisan pertahanan DPMM FC yang berjaya mengawal serangan-serangan berkenaan dengan baik.

Walau bagaimanapun, pada minit ke-43, Kuching City FC sekali lagi berjaya menyumbat masuk gol menerusi tandukan Ketua Pasukan Kuching City FC, James Onyekachukwu Okwuosa sekali gus memberikan jurang keselesaan yang ketara buat tuan rumah, Kuching City FC dengan kelebihan agregat 5-1.

Setelah gol kedua berkenaan, Kuching City FC terus menguasai permainan

namun keputusan itu kekal tidak berganjak apabila pengadil perlawanan meniupkan wisel penamat separuh masa pertama perlawanan.

Sementara, pada babak kedua pula, DPMM FC cuba bangkit apabila berjaya menjaringkan gol pada minit ke-54 menerusi Hakeme Yazid Said dan menjadikan kedudukan agregat kepada 5-2.

Namun, Kuching City FC tidak menunggu lama apabila pemain yang baharu dimasukkan pada babak kedua perlawanan, Gabriel Palmero berjaya menjaringkan gol ketiga pada aksi perlawanan malam berkenaan buat pasukannya.

Sementara itu, cubaan untuk menjaringkan gol keempat Kuching City FC oleh Jerome Etame pada minit ke-87 perlawanan pula dinafikan oleh pengadil perlawanan apabila mendapati terdapatnya kekasaran berlaku sebelum gol dijaringkan setelah disahkan melalui Video Assistant Referee (VAR).

Dengan kemenangan malam tadi, Kuching City FC melayakkan diri ke perlawanan peringkat separuh akhir Piala Malaysia 2025/2026 dan dijadualkan akan bertemu dengan Selangor FC yang berjaya menewaskan Negeri Sembilan FC dalam perlawanan peringkat suku akhir berasingan pada malam tadi.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

LAKSANAKAN IBADAH PUASA DENGAN PENUH KEIKHLASAN